

**Jilid II
Bil. 38**



**Hari Rabu
24hb Oktober, 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5517]**

PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. AHLI DARI MATANG [Ruangan 5552]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 5553]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 5554]



DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.N. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 24hb Oktober, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PELAJAR DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI—
PENGHASUTAN

1. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kementerian ini menyedari akan mainan jahat parti-parti politik yang menghasut pelajar-pelajar di Institusi-institusi Pengajian Tinggi (Universiti-universiti) untuk membenci dan mencaci Kerajaan terus menerus. Sejauh mana kesedaran itu; dan
- (b) adakah hasrat Kerajaan untuk mengharamkan sebarang parti-parti politik mempengaruhi dan menghasut pelajar-pelajar tersebut, supaya membolehkan mereka menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada pelajaran dan membiarkan mereka sendiri membuat pilihan berpolitik setelah tamat pengajian mereka kelak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar adanya parti-parti politik yang cuba menghasut pelajar-pelajar di Institusi-institusi Pengajian Tinggi untuk mencaci Kerajaan di samping menyanjung pula pihak Pembangkang. Kerajaan dan pihak berkuasa Universiti-universiti sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya agar keadaan sentiasa terkawal. Jika kegiatan-kegiatan ini didapati melampau batas, langkah-langkah tertentu akan diambil mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada pelajar-pelajar yang mencaci pihak pembangkang dan mengagut-agutkan Barisan Nasional? Apa tindakan akan diambil?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, yang menghantar mereka ke universiti dan menyediakan universiti untuk mereka ialah pihak Kerajaan dan tidak salah bagi mereka menyanjung tinggi pihak Kerajaan yang memberi kemudahan kepada mereka, memberi apa-apa sahaja pertolongan kepada mereka dan mereka adalah orang yang harus menyanjung tinggi pihak Kerajaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengharamkan penubuhan kelab-kelab UMNO di universiti-universiti di England dan

Amerika Syarikat supaya mereka boleh memberi lebih perhatian kepada kursus-kursus mereka?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelab-kelab UMNO di luar negeri, ianya ialah di bawah jagaan Kementerian Luar Negeri dan pihak Kementerian Pelajaran tiada kena mengena dengan hal itu.

PENYERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

2. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana pelaksanaan Kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam ciri-ciri kehidupan di Malaysia dan menyatakan sama ada nilai-nilai Budha, Hindu dan Kristian telah disertakan. Jika ya, supaya menerangkannya satu-persatu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bermaksud untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, bukan dalam ciri-ciri kehidupan di Malaysia bagaimana yang disebutkan dalam soalan. Kerana itulah maka usaha-usaha yang dibuat adalah berkaitan dengan urusan-urusan pentadbiran yang menggunakan nilai Islam bagi memantapkan sistem pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).

BUKIT CINA—NASIHAT PEGUAM NEGARA

4. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Jemaah Menteri telah merujuk kepada

Peguam Negara untuk pendapat dan perakuannya berhubung dengan rancangan Kerajaan Negeri Melaka untuk merata dan membangunkan secara paksa kubur-kubur yang berusia 500 tahun di Bukit Cina, Melaka, dengan mengambil ingatan akan implikasi-implikasi undang-undang Ordinan (Perbadanan) Kuil Cheng Hoon Teng 1949, dan jika ya, nyatakan pendapat dan perakuan Peguam Negara atas perkara tersebut.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, masalah Bukit Cina telah dirujuk kepada Peguam Negara untuk mendapat nasihat beliau. Mengikut Peguam Negara, Perbadanan Kuil Cheng Hoon Teng boleh memajukan tanah di Bukit Cina. Walaupun demikian beberapa syarat telah diadakan terhadap jenis dan skop pembangunan yang boleh dibuat. Kerajaan akan meneliti pendapat Peguam Negara dan jika perlu akan memberi nasihat kepada pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sanggup untuk memberi nasihat Peguam Negara kepada Kuil Cheng Hoon Teng. Kedua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menasihatkan Kerajaan Negeri Melaka bahawa dalam perkara ini janganlah memaksa Kuil Cheng Hoon Teng sebagai pihak yang diamanah dengan paksa mahu mematuhi hasrat Kerajaan untuk meratakan dan membangun Bukit Cina?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita ingin menasihati bukan sahaja kepada Kuil tersebut dan Kerajaan Negeri Melaka tetapi juga ahli-ahli Parti Pembangkang yang sengaja menjadikan ini sebagai isu perkauman.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan bahagian kedua belum dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Besi.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi tahu adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam pembukaan rasmi Balai Warisan Emas, di Musium Negara baru-baru ini mengkritik golongan yang ingin memusnahkan warisan negara, kebudayaan dan sejarah. Tetapi Kerajaan Negeri Melaka telah bercadang untuk membangunkan Bukit Cina yang mempunyai sejarah kebudayaan dan warisan negara selama 500 tahun. Adakah cadangan Kerajaan Negeri Melaka bertentangan dengan pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tidak ada soal bertentangan ataupun tidak. Soalnya ialah soal tafsiran apakah yang sebenarnya menjadi warisan negara. Ada pihak yang berpendapat bahawa sesuatu itu menjadi warisan dan sesuatu itu tidak menjadi warisan. Pendapat yang berbeza-beza ini memang terdapat di dalam masyarakat yang demokratik seperti di Malaysia.

UNDANG-UNDANG MEMAKAI TOPI KELEDAR

5. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa undang-undang memakai topi keledar kepada penunggang-penunggang dan pembonceng-pembonceng motosikal telah lama dikuatkuasakan. Dan pengecualian hanya diberikan kepada kaum Sikh dan Haji-haji yang berserban. Jika

sedar, apakah takrif (definisi) dari segi undang-undang. Haji-haji yang mendapat pengecualian dari memakai topi keledar. Adakah maksudnya Haji-haji ini orang-orang Islam yang telah menunaikan Fardu Haji di Mekah, ataupun sesiapa sahaja yang berserban.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahman binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mewajibkan pemakaian topi keledar kepada penunggang-penunggang dan pembonceng-pembonceng motosikal telah pun dikuatkuasakan mulai 1hb Mac, 1973 iaitu lebih 11 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, berikutan dengan beberapa fahaman keagamaan Kementerian Pengangkutan sedar bahawa pengecualian daripada memakai topi keledar terpaksa diberikan jua kepada kaum Sikh yang memakai turbun serta Haji yang memakai serban dan oleh kerana itu suatu pindaan telah dibuat kepada Kaedah-kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973, dibuat pada 16hb Disember, 1974.

Walaupun bagaimanapun, demi untuk menjaga keselamatan penunggang-penunggang dan pembonceng-pembonceng mereka diarahkan supaya memakai topi keledar.

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini adakah Timbalan Menteri sedar bahawa Kerajaan telah mengecualikan kepada pihak-pihak orang Sikh yang menggunakan turbun dengan tuan-tuan Haji yang menggunakan serban.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai di antara orang-orang yang bukan Haji tetapi mereka hendak mengelak daripada memakai topi keledar mereka pakai serban.

Jadi, apakah tindakan Kementerian ini kepada pihak-pihak yang berkenaan itu, yang mereka ini bukan Haji.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya sebutkan pindaan telah kita buat untuk menyesuaikan keadaan ini tetapi masyarakat kita mengambil kesempatan orang-orang bukan Haji pun pakai juga serban. Kadang-kadang ada juga Haji yang sudah pergi ke Mekah tetapi tidak pakai serban. Jadi agak susah kita hendak menentukannya.

MOTOKAR BUATAN MALAYSIA—PASARAN

6. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada setelah motokar buatan Malaysia tersedia di pasaran tempatan, adakah Kerajaan bercadang menyekat pengimportan kereta-kereta dari luar negara dan dalam pada itu, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kereta-kereta yang dikeluarkan oleh Malaysia laris di pasaran tempatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyekatan masuk kereta-kereta dari luar negeri Kerajaan akan menimbang langkah-langkah yang perlu diambil apabila tiba masanya.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kereta nasional laris di pasaran tempatan adalah seperti berikut:

- (1) Kereta-kereta yang dikeluarkan adalah bermutu tinggi dengan rekabentuk yang menarik serta harga yang kompetitif;
- (2) Sebuah syarikat pengedar, Edaran Otomobil Sendirian Berhad (EON) dengan

kepakaran yang mencukupi telah dilantik. Syarikat ini akan merumuskan strategi dan rancangan yang berkesan;

- (3) PROTON juga akan mendapat kerjasama daripada rakan-rakan usahasanya iaitu Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation yang akan memberi segala bantuan supaya projek ini mendapat kejayaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu sama ada pihak PROTON ataupun pihak yang berkenaan telah berbincang mengenai penetapan harga untuk kereta PROTON SAGA ini dan sekiranya ini belum dibuat maka saya hendak dapat tahu bilakah ini akan dapat diputuskan memandangkan bahawa adalah sangat perlu untuk mengadakan satu harga yang lebih kompetitif dengan kereta yang lain sebagai satu cara untuk menentukan bahawa kereta ini boleh mendapat sambutan yang baik.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa harga kereta ini belum ditentukan kerana banyak faktor-faktor yang belum dapat dinilai yang akan mempunyai kesan terhadap harga kereta ini.

Walau bagaimanapun, tentulah pihak PROTON akan mengkaji sedalam-dalamnya untuk menentukan bahawa harga kereta ini menarik berbanding dengan kereta yang sama kekuatannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana projek motokar Malaysia ini adalah dijalankan secara usahasama dengan negara Jepun, adakah negara kita ini akan memasarkan kereta ini ke negara Jepun itu sendiri.

Kedua, adakah setakat ini negara-negara Asia kita yang telah meminta supaya motokar ini boleh dibawa masuk ke negara-negara mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya harga kereta di negeri Jepun amatlah murah dan pada pendapat saya kalau kita hendak memasarkan kereta kita di negeri Jepun maka terpaksa kita pula subsidise pembelian Jepun dan ini sudah tentu tidak dapat diterima oleh rakyat di negara kita ini.

Berkenaan dengan negara-negara lain, ini bergantunglah kepada kos kita sama ada ianya boleh dieksport dengan cara menentukan harga yang kompetitif di negara-negara tersebut. Mungkin juga sedikit sebanyak subsidi terpaksa diadakan kerana soal subsidi kepada eksport ini adalah satu perkara yang diamalkan oleh banyak negara-negara kerana mereka mementingkan pendapatan foreign exchange dalam perdagangan mereka.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita hendak lariskan penjualan kereta-kereta PROTON ini bolehkah Yang Berhormat Menteri-menteri beli dahulu, dari itu kita semua sebagai menyahut Kepimpinan Melalui Teladan, kita semua ikut bersama-sama.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sanggup dan saya yakin ramai juga Menteri-menteri pun sanggup dan saya percaya Ahli-ahli Dewan Rakyat ini pun akan menjualkan kereta Mercedes mereka dan membeli kereta PROTON (*Ketawa*).

PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON)— JUMLAH PINJAMAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah wang pinjaman yang diperolehi oleh Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (Proton) untuk membiayai projek kereta kebangsaan dan dari mana pinjaman itu diperolehi; dan
- (b) apakah langkah yang Kerajaan bercadang akan ambil untuk memastikan pemindahan teknologi kepada rakyat Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran Kereta Kebangsaan dalam satu jangkamasa yang ditetapkan supaya ianya akan membantu pada akhirnya untuk mencapai matlamat 100 peratus pembuatan kereta kebangsaan Malaysia oleh tempatan. Bagaimana Kerajaan akan juga memastikan alat-alat gantian dikeluarkan oleh tempatan di bawah program "Local Content" boleh mencapai mutu atau Standard dari segi keselamatan dan keupayaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah wang pinjaman yang diperolehi oleh Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd., (PROTON) untuk membiayai projek kereta nasional adalah sebanyak \$340 juta. Pinjaman ini diperolehi daripada sumber-sumber berikut:
 - (i) Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation—\$120 juta
 - (ii) Diamond Lease Ltd dan Mitsubishi Trust & Banking Corp.—\$120 juta

(iii) Pinjaman sindiket yang diuruskan bersama oleh Bank Bumiputra dan Bank Tokyo—\$100 juta.

(b) Dalam usaha memastikan pemindahan teknologi berjalan lancar dan akhirnya mencapai matlamat 100% kereta nasional, langkah-langkah berikut telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan:

(i) Pelaksanaan program latihan yang intensif dalam bentuk teori, latihan praktikal dalam kilang (in-plant training) serta penglibatan dan pendedahan oleh kakitangan PROTON dengan harapan akan mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab membuat kereta dalam masa dua tahun.

(ii) Perancangan yang rapi sedang diatur mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diambil alih sepenuhnya oleh PROTON. Pihak Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation sebagai rakan usahasama adalah bertanggungjawab untuk mengajar dan melatih kakitangan PROTON sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian usahasama.

(iii) Jawatankuasa Pemindahan Teknologi yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sentiasa meneliti dan mengawasi program-program pemindahan teknologi agar berjalan

lancar, terutamanya mengenai Projek Kereta Nasional.

(iv) Perancangan sedang diatur untuk mengadakan pengajian dalam bidang kejuruteraan automatif di institusi-institusi pengajian tinggi.

Untuk memastikan alat-alat gantian keluaran tempatan di bawah program "local content" dapat mencapai mutu dan standard dari segi keupayaan dan keselamatan, Kerajaan akan menjalankan langkah-langkah berikut:

(i) Kerajaan, melalui SIRIM, telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas bagi meneliti yang alat-alat gantian keluaran tempatan adalah menurut standard yang telah ditetapkan. Alat-alat ini juga menjalani ujian "visual" dan ujian prestasi.

(ii) Proton akan menguji setiap alat yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan menurut spesifikasi yang telah ditetapkan. Ujian ini yang meliputi ujian dimensi, kualiti, prestasi, keupayaan dan keselamatan akan dijalankan di Jepun dan di Malaysia.

(iii) Proton akan meningkatkan kemampuan teknologi pengeluaran dan penggunaan bagi alat-alat tempatan dari segi keupayaan dan keselamatan melalui perancangan penyelidikan dan pembangunannya.

(iv) Pengusaha tempatan juga akan memperoleh teknologi baru mengenai pengeluaran komponen tempatan dari rakan-rakan usahasama mereka yang mana akan

meningkatkan lagi mutu alat-alat gantian yang mereka hasilkan.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk tahun pertama agaknya berapakah jumlah kemampuan Proton untuk kereta yang dikeluarkan dan berapakah jumlah kereta untuk mendapatkan break-even untuk tahun pertama dan bilakah agaknya Proton akan mendapat keuntungan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jika tidak ada apa-apa halangan insya Allah pada bulan Julai 1985 kereta pertama Proton Saga dapat dikeluarkan dan dalam tahun 1985 dianggarkan bahawa cuma 8,000 kereta sahaja yang akan dikeluarkan. Selepas daripada itu angka ini akan ditingkatkan kepada 20, 50 dan seterusnya. Saya tidak dapat memberitahu bila keuntungan akan didapati di waktu ini.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat apakah beliau yakin, benar-benar yakin bahawa pemindahan teknologi dalam perusahaan kereta ini akan benar-benar berlaku dalam tempoh yang dijangkakan. Kerana sehingga ini dalam bidang-bidang lain pemindahan teknologi daripada negara-negara Jepun dan Korea nampaknya seolah-olah dikebelakangkan oleh negara-negara tersebut. Kalau Kerajaan yakin, dari asas mana keyakinan itu dan kalau tidak, apakah langkah-langkah awal yang patut diambil bagi menjayakan cita-cita itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pemindahan teknologi ini melibatkan dua pihak. Satu, pihak yang memberi dan satu pihak yang menerima. Kalau pun ada pihak yang memberi tetapi penerimanya tidak

sedia untuk menerima teknologi yang diberikan kepadanya maka ianya tidak akan dapat hasil daripada pemindahan teknologi itu.

Kita dapati bahawa di beberapa buah negeri lain yang juga terlibat umpamanya dengan pihak Jepun dalam perusahaan, mereka telah dapat teknologi baru dalam jangka masa yang pendek walaupun pihak Jepun dan mungkin juga pihak negara-negara barat mempunyai sikap yang sama dalam pemindahan teknologi iaitu mereka tentulah enggan memberi dengan mudahnya tetapi kerana penerimaannya begitu tekun dan sanggup membuat penyelidikan sendiri dan mempelajari berkenaan dengan sesuatu usaha itu maka teknologi itu telah didapati oleh mereka.

Di Malaysia kita dapati banyak sungutan berkenaan dengan pemindahan teknologi kononnya teknologi tidak dipindahkan oleh pihak lain, sementara ada juga asas-asas terhadap sungutan ini tetapi kita dapati bahawa ramai daripada kita tidak menyediakan diri untuk menerima teknologi yang dipindahkan kerana kita lebih menumpukan perhatian kepada keuntungan yang kita akan dapati dalam jangka masa yang pendek. Oleh kerana itu walaupun pihak Kerajaan yakin pemindahan teknologi boleh berlaku tetapi bukan Kerajaan sahaja yang dapat menentukan masa ini tetapi terpulanglah kepada penerima teknologi itu sendiri maka tidaklah boleh dikatakan dengan tepatnya bilakah teknologi akan dapat dipindahkan secara langsung kepada penerima-penerimanya.

KEMISKINAN DI KALANGAN NELAYAN/PETANI

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah kedudukan kemiskinan di kalangan

petani dan nelayan. Bagaimanakah kedudukan pendapatan mereka sekarang dalam nilai sebenar (in real terms). Apakah langkah-langkah pembaharuan penting yang akan dilaksanakan oleh Kementeriannya untuk mengubah dan meningkatkan lagi pendapatan dan taraf hidup serta masalah-masalah sosio-ekonomi nelayan-nelayan dan petani-petani.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, paras kemiskinan adalah suatu konsep yang relatif berdasarkan kepada Angka Tunjuk Harga Pengguna yang meningkat dari masa ke semasa. Oleh kerana konsepnya itu agak relatif maka ukuran paras kemiskinan juga berbeza dari satu penyelidikan kepada yang lain.

Kedudukan kemiskinan di kalangan petani dan nelayan telah meningkat dari 45.7% pada tahun 1980 kepada 54.9% pada tahun 1983. Walau bagaimanapun dari segi pendapatan, pendapatan para petani telah meningkat dari \$357 dalam tahun 1980 kepada \$379 dalam tahun 1983 dan pendapatan nelayan pula meningkat dari \$210 dalam tahun 1980 kepada \$270 pada tahun 1983.

Kementerian akan terus berusaha serta mengambil beberapa langkah penting bagi meningkatkan lagi pendapatan dan kebajikan para petani dan nelayan selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

Sebagai strategi pembangunan sektor pertanian, pelaksanaan Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) yang memberi penekanan kepada pembangunan *in situ* akan dipergiatkan lagi. Di sektor pertanian, peningkatan pengeluaran dan pendapatan dari ladang akan dilaksanakan melalui penggunaan sumber-sumber dengan cekap dan

berkesan seperti menggalakkan pengurusan dan tanaman padi secara kelompok dan estet.

Untuk pekebun-pekebun kecil kelapa, Kementerian sedang mempergiatkan lagi rancangan pemulihan di bawah Skim Pemulihan Kawasan Kelapa dengan menggalakkan pekebun-pekebun kecil meningkatkan tanaman-tanaman selingan yang lebih ekonomik seperti koko, kopi dan buah-buahan untuk menambahkan pendapatan. Antara langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengubah dan memperbaiki lagi taraf hidup sosio-ekonomi para nelayan termasuklah menyusun semula struktur ekonomi di sektor perikanan supaya ianya tidak hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti penangkapan ikan di perairan pantai sahaja.

Aktiviti-aktiviti ekonomi sektor ini akan diperluaskan bagi meliputi penangkapan ikan laut dalam, aktiviti ternak air serta mempergiatkan program-program pemulihan sumber di kawasan perairan pantai.

Di dalam penyusunan semula ini nelayan-nelayan lebihan dari perairan pantai Semenanjung akan digalakkan berpindah secara berperingkat untuk memasuki bidang guna tenaga yang lain seperti menyertai rancangan-rancangan tanah, ternak air dan kegiatan-kegiatan pertanian.

Untuk nelayan-nelayan yang kekal di dalam sektor perikanan laut, sumber-sumber laut dalam akan diterokai sepenuhnya dengan pengurusan dan kaedah penangkapan ikan yang moden.

Dalam usaha-usaha meningkatkan pendapatan dan pengeluaran petani-petani dari ladang, pengurusan Pertubuhan Peladang serta program-program khidmat sokongan yang meliputi bidang pemasaran, penyelidikan dan pengembangan jua

sedang dan akan diperkemas lagi sejajar dengan matlamat Dasar Pertanian Negara.

Saya suka memberi jaminan bahawa Kementerian bersedia mengambil apa jua langkah yang mungkin bagi menentukan kepentingan dan kebajikan para petani dan nelayan sentiasa mendapat pembelaan dan diberi keutamaan dalam sebarang usaha pembangunan yang dijalankan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Soalan tambahan saya rasa tidak banyak yang diketahui terutamanya oleh pemimpin-pemimpin di Semenanjung berkenaan dengan kemiskinan di Sabah. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membuat satu kajian comprehensive berkenaan dengan kemiskinan di Sabah?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak tepat kenyataan bahawa pihak Kementerian atau pemimpin-pemimpin negara tidak sedar tentang kemiskinan di Sabah dan Sarawak. Semua program yang dijalankan oleh Kementerian di Semenanjung dan agensi-agensi yang berkaitan dijalankan serentak di Sabah dan Sarawak, dan kini ada beberapa langkah yang telah diambil untuk memastikan supaya program-program dan perjalanan institusi-institusi tersebut di Sabah dan di Sarawak diawasi dan ditingkatkan.

KEBOCORAN KERTAS SOALAN

9. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah soalan-soalan peperiksaan pelajar-pelajar mengalami kebocoran, adakah ini secara tidak sengaja atau dari orang-orang yang tidak bertanggungjawab; apakah tindakan terhadap orang yang sengaja menyebabkan kebocoran; apakah langkah-langkah yang diambil

supaya tidak berulang lagi dan adakah ini suatu perkara biasa yang pernah berlaku dalam negara kita, adakah kebocoran soalan-soalan yang berlaku itu pada kesemua soalan atau hanya sebilangan sahaja, dan apakah sebab-sebab kebocoran berlaku.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 10 tahun yang lalu hanya terdapat sekali kebocoran berlaku dalam peperiksaan yang diselenggarakan oleh Lembaga Peperiksaan. Kebocoran ini melibatkan Kertas Soalan SPM Bahasa Malaysia yang berlaku di Perak dan tindakan undang-undang telah diambil terhadap yang berkenaan. Langkah-langkah mengetatkan kawalan keselamatan kertas-kertas soalan telah juga diperkemas.

Bagi peperiksaan yang diselenggarakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia pula kebocoran telah berlaku pada tahun 1983. Ini melibatkan 5 mata pelajaran, sama ada kebocoran ini berlaku secara tidak sengaja atau oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab ataupun oleh lain-lain pihak masih belum dapat dipastikan. Polis masih menjalankan siasatan mereka. Namun begitu, Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengelakkan kebocoran berulang lagi.

- (i) mengetatkan lagi kawalan keselamatan.
- (ii) menyusun semula Urusetia Majlis.
- (iii) memansuhkan Sistem Panel Penilaian Kertas Soalan.
- (iv) menubuhkan bank soalan (items bank); dan
- (v) memberi kuasa otonomi yang lebih kepada Majlis Peperiksaan Malaysia.

KERJA PENYELIDIKAN— GALAKAN

10. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan kita mempunyai skim-skim insentif untuk menggalakkan para saintis dalam negara kita menjalankan kerja-kerja penyelidikan, jika ya, nyatakan apakah insentif-insentif yang sedia ada; jika tidak, mengapa.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah mempunyai skim insentif untuk menggalakkan para saintis negara kita untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Skim-skim insentif yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

- (a) Geran penyelidikan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) diberikan kepada ahli-ahli sains mulai daripada 29-2-1984 dan sebanyak 15 geran telah pun diberikan.
- (b) Skim Fellowship MPKSN telah dilancarkan pada 7-8-1984. Dua fellowship akan diberi untuk tahun 1985 di bawah Tabung Amanah MPKSN. Bagi tahun 1985 bidang-bidang penyelidikan yang diberi keutamaan dalam skim fellowship ini ialah bio-teknologi dan kejuruteraan.
- (c) Anugerah Sains Negara yang merupakan pemberian persendirian wang tunai sebanyak \$30,000 dan satu sijil penghargaan akan dihadiahkan dua tahun sekali kepada ahli sains yang terkenal di dalam prestasi kemajuan sains. Anugerah tersebut akan diberi kepada saintis yang telah mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam bidang

rekaciptaan, penemuan saintifik, proses-proses teknologi baru, pengurusan dan perkhidmatan akademik atau sebarang bidang berkenaan aktiviti dan penyelidikan saintifik; dan

- (d) Pengecualian cukai diberi kepada pihak-pihak industri di dalam usaha-usaha penyelidikan menurut seksyen 34 (a) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, beliau ada mengatakan bahawa Kerajaan ada memberi galakan dan geran-geran kepada pakar-pakar sains di institusi-institusi akademik sahaja.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah insentif-insentif yang diberikan kepada pakar-pakar sains supaya mendapat teknologi yang lebih baik lagi di dalam bidang high technology, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, seperti komputer sains dan sebagainya supaya negara kita akan mencapai taraf di dalam teknologi tinggi jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Singapura.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif tersebut seperti saya sebutkan tadi akan ditingkatkan apabila keadaan kewangan mencukupi.

IMIGRESEN—KUASA KETUA MENTERI

11. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bersedia mengambil langkah-langkah pindaan Akta Imigresen 1959/63 untuk melucutkan kuasa-kuasa Ketua Menteri Sabah dalam perkara-perkara imigresen dengan sebab kuasa-kuasa itu telah disalahgunakan khasnya oleh Ketua Menteri Sabah

dengan melarang Ahli Parlimen Melaka dan Ketua Pembangkang, dari masuk Sabah untuk terlibat dalam kegiatan politik yang sah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Imigresen 1959/63 bagi menarik balik kuasa-kuasa khas yang telah diberikan kepada pihak berkuasa negeri di Sabah dan Sarawak.

Tuan Karpal Singh: Adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik kuasa-kuasa ini pada masa depan, jikalau ya, bila?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang dan juga mengikut Perlembagaan Persekutuan sepertimana Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum segala hak dan kuasa yang diberi oleh undang-undang Persekutuan kepada negeri Sabah dan Sarawak tidak boleh dipinda melainkan dengan persetujuan Dewan Undangan Negeri masing-masing.

HUTANG NEGARA

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah pragmatis Kerajaan terhadap pengurusan hutang negara, supaya keupayaan kredit yang tinggi dinikmati oleh negara sekarang tidak akan terjejas.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kerajaan sentiasa berwaspada dalam menguruskan pinjamannya sama ada dari dalam ataupun luar negeri. Adalah menjadi dasar

Kerajaan untuk mendapatkan pinjaman bagi tujuan pembangunan selaras dengan pertumbuhan yang stabil, yang dapat dikekalkan tanpa menimbulkan inflasi, memburukkan imbangan pembayaran dan mengakibatkan ketidakstabilan kewangan. Langkah yang pragmatis ini telah mengekalkan kedudukan kredit negara kita yang baik dikalangan pasaran antarabangsa.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah pihak Kerajaan sedar kebanyakan hutang-hutang negara kita dipinjamkan oleh agensi-agensi yang tidak di bawah kawalan belanjawan (Off-Budget Agencies). Apakah langkah-langkah yang diadakan oleh pihak Kerajaan supaya agensi-agensi tersebut tidak bergerak-geri sendiri dan tidak lagi meminjam wang-wang yang begitu banyak supaya beban ini bolehlah dikawal dan bilakah pihak Kerajaan boleh mengumumkan dengan sebaiknya apakah langkah-langkah yang akan ditubuhkan?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam membentangkan ucapan Belanjawan pada 19hb yang lalu telah pun menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan saya fikir perkara ini dapatlah diikuti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

GURU-GURU BERPENGA- LAMAM—PERPINDAHAN

13. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah beliau sedar bahawa negeri-negeri yang dianggap kurang maju seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak kehilangan ramai guru yang berpengalaman setiap tahun, disebabkan guru-guru yang berkenaan

akan bertukar ke negeri asal mereka setelah tamat berkhidmat selama 5 tahun di negeri-negeri yang tersebut selepas keluar maktab perguruan. Kalau sedar, apakah langkah-langkah Kementerian ini bagi mengelakkan daripada berlakunya perpindahan guru-guru yang berpengalaman ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang ada peraturan-peraturan guru pada tiap-tiap penghujung tahun. Tidaklah benar jika dikatakan bahawa Negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak kehilangan ramai guru-guru yang berpengalaman akibat pertukaran ini. Walaupun mereka ini bertukar selepas berkhidmat 5 tahun dan lebih, kekosongan akibat pertukaran ini diganti oleh guru-guru yang berasal dari negeri-negeri di atas yang telah berkhidmat di negeri-negeri lain pula. Perpindahan ini tidak dapat dielakkan kerana peraturan-peraturan membolehkan mereka bertukar. Namun begitu, untuk menarik minat guru-guru berkhidmat di Sabah dan Sarawak, mereka diberi tambang percuma pada permulaan perkhidmatan dan pada akhir perkhidmatannya, di samping lain-lain kemudahan yang menarik sebagai galakan kepada guru-guru dari Semenanjung yang ditempatkan di Sabah dan Sarawak dan elau wilayah bagi guru-guru yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengisi 670 jawatan kosong guru-guru berijazah di Sabah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru-guru berijazah dan juga bukan berijazah, sama ada di Sabah, di Sarawak ataupun di tempat-tempat lain di Semenanjung Malaysia memang menjadi perkara yang kita

pandang berat. Namun demikian, langkah-langkah tertentu memang kita ambil dan tidaklah dapat kita pastikan semuanya masalah ini akan dapat kita selesaikan dalam masa yang begitu singkat. Namun demikian, suka saya memaklumkan bahawa perkara ini memang mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Pelajaran dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Sabah. Insya Allah, perkara ini akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil.

KESELAMATAN PEKAN- PEKAN DI SEMPADAN MALAYSIA-THAI

14. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil rundingan antara Kerajaan Malaysia dan Thailand untuk mengatasi masalah keselamatan di pekan-pekan sempadan Malaysia-Thai. Memandangkan keganasan terus berlaku, apakah keputusan perundingan itu belum dilaksanakan atau pelaksanaannya tidak memberi kesan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Pihak Berkuasa Malaysia berpuas hati mengenai rundingan dengan pihak Thai untuk mengatasi masalah keselamatan di pekan-pekan sempadan Malaysia-Thai. Usaha-usaha telah dan sedang di peringkat bagi memastikan keganasan-keganasan tidak terus berlaku di pekan-pekan sempadan Malaysia-Thai.

INDUSTRI KECIL LUAR BANDAR—SUMBER HUTAN

15. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dalam mengerakkan

pembangunan luar bandar dari segi perindustrian desa khususnya dalam eksploitasi sumber-sumber tempatan, adakah sesuatu dasar tertentu dirangka untuk memobiliasikan sumber-sumber hutan kurang penting (minor forest products)-sejajar dengan prinsip eksploitasi secara cekap dan teratur. Adakah sumber-sumber hutan itu dapat diperolehi dengan lebih mudah oleh penduduk tempatan tanpa mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan seperti "major forest products" yang lain bagi mempercepatkan perkembangan industri kecil luar bandar.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada mempunyai dasar untuk menggalakkan penggunaan sumber hutan seperti rotan, buluh dan mengkuang dengan menggalakkan pembangunan industri kraftangan di luar bandar yang menggunakan bahan-bahan tersebut di atas. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menempatkan semula industri yang sedia ada supaya pengeluaran secara berkelompok akan membolehkan "mass production", di samping dapat mengawal dan meningkatkan mutu pengeluaran.

Untuk menambah bilangan pengusaha dalam industri kraftangan di luar bandar, Kerajaan memberi latihan dalam bidang industri berasas sumber keluaran hutan seperti latihan rotan dan buluh di Kuala Pilah, anyaman di Kuala Terengganu, ukiran kayu di Temerloh dan penggunaan buluh dan rotan di Kuching dan Kota Kinabalu.

Dari segi sokongan penyelidikan kepada perkembangan industri kraftangan di luar bandar, Institut Penyelidikan Perhutanan Kepong (FRI) sedang menjalankan kajian penggunaan pemprosesan dan pengawitan rotan buluh ribu-ribu dan

paku-pakis dan penyelidikan penanaman sumber-sumber tersebut. Hasil kajian ini akan dapat menentukan teknik pengawitan yang berkesan ekonomik dan sesuai untuk setiap keluaran industri desa. Untuk menambah sumber rotan, FRI sedang menjalankan percubaan penanaman rotan secara ladang yang meliputi kajian ekonomi serta persesuaian tanah. Kerajaan-kerajaan Negeri juga ada menjalankan penanaman rotan. Sehingga ini seluas 2,556 hektar telah ditanam dengan rotan.

Mengenai pengeluaran hasil hutan, suka saya memaklumkan bahawa perkara ini dikawal dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri dan prosedur permohonan adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Enakmen Hutan Negeri. Peraturan ini tidak menimbulkan kesulitan kepada pemohon tetapi beberapa syarat perlu dipatuhi bagi memudahkan urusan pengawalan oleh Kerajaan Negeri. Biasanya permohonan dari penduduk tempatan dan pengusaha industri berkaitan diberi keutamaan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini pihak Kerajaan telah pun meluluskan dua akta, iaitu Akta Perhutanan Negara dan akta bagi Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengawal selia faktor yang berasaskan kayu. Adakah Kerajaan sedar bahawa kedua-dua akta ini boleh menghalang sedikit-sebanyak perkembangan industri-industri desa yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan itu.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian belum dapat kepastian tentang apakah bentuk yang menyebabkan kedua-dua akta itu menghalang perkembangan industri jikalau sekiranya Yang Berhormat yang berkenaan tidak memberitahu maklumat-maklumat yang tepat.

ROMPAKAN BUNUH DI PEJABAT POS

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau mempunyai cara bagi menjamin tidak berulangnya kejadian rompakan dan pembunuhan seperti yang berlaku ke atas Ketua Pos baru-baru ini, terutamanya Pejabat-pejabat Pos Bergerak. Jika ada, sila terangkan cara-caranya bagi mengatasi kejadian itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos sentiasa mengambil berat tentang kedudukan keselamatan di Pejabat Pos bagi menjamin keselamatan kakitangan dan harta benda Kerajaan juga. Segala langkah sedang dan akan diambil bagi memperbaiki dan menjamin keadaan keselamatan di Pejabat Pos, termasuk Pejabat-pejabat Pos Bergerak. Jabatan Perkhidmatan Pos mendapat kerjasama pihak Polis untuk menjalankan rondaan dari semasa ke semasa bagi mengawasi keselamatan Pejabat-pejabat Pos. Berbagai-bagai tindakan membaiki keselamatan telah dan seterusnya diatur dan saya tidak bercadang untuk memaklumkan di sini langkah-langkah yang diambil itu oleh sebab-sebab keselamatan.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar selepasnya berlaku perompakan di Pejabat Pos di Kelantan, satu rompakan di Pejabat Pos Rengit telah berlaku yang mana menyebabkan kecederaan kepada Pegawai Pejabat Pos. Adakah Kerajaan sedar pihak Polis telah tidak datang hampir telah selesainya pegawai itu mendapat rawatan daripada hospital. Jika inilah tindakan-tindakan yang boleh diambil

oleh pihak Polis untuk menentukan keselamatan pegawai-pegawai, saya khuatir tindakan ini tidak cukup.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya pihak Jabatan Pos pun telah mengambil tindakan dengan segeranya untuk memaklumkan memberitahu ataupun melaporkan kepada pihak Polis dan adalah terpulang kepada pihak Polis untuk datang dengan seawal-awalnya untuk menyiasat rompakan yang telah berlaku itu.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah beliau sedar bahawa pada masa sekarang pun ada pejabat seperti yang ada di Batu Pahat yang mana pejabat itu dijaga oleh seorang pegawai wanita sahaja dan wanita ini sangat takut.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat Jabatan-jabatan Pos yang diuruskan oleh seorang atau dua pegawai sahaja oleh kerana mungkin di tempat-tempat tertentu kawasan itu adalah kurang sibuk dan tidak memerlukan kakitangan yang telah banyak lagi. Walau bagaimanapun, langkah-langkah keselamatan biasa pun sedang disediakan dalam Pejabat Pos itu, saya percaya.

KAJIAN SEMULA TERHADAP KAKITANGAN KERAJAAN

17. Dato Dr Hee Tien Lai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa birokrasi negeri ini (lebih daripada 1 juta kakitangan Kerajaan bagi 15 juta penduduk) adalah terlalu besar. Jika sedar, patutkah saiz dan strukturnya dikaji semula;

- (b) berapa banyak kajian semula telah dibuat terhadap kakitangan Kerajaan sejak kajian yang dibuat oleh pasukan Montgomery-Esman lebih kurang 20 tahun yang lalu, dan
- (c) memandang kepada arah baru dalam pembangunan yang telah diasaskan oleh Perdana Menteri bagi memodenkan negeri ini seperti Dasar Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia, penswastaaan dan lain-lain strategi pelaksanaan yang baru, apakah perubahan akan dibuat dan tindakan diambil untuk mengembalikan daya usaha gigih dalam perkhidmatan awam dan juga untuk menaikkan tahap kebolehan dan pengeluarannya untuk menemui objektif-objektif baru.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab (a) Kerajaan sedar bahawa birokrasi negara ini agak besar dan boleh dikurangkan. Keadaannya sedang dikaji dan perbandingan sedang dibuat dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam di negara-negara lain. Sementara itu, berbagai-bagai langkah telah diambil untuk mengawal perkembangan birokrasi itu di negara ini melalui konsep penswastaaan, pemansuhan jawatan-jawatan yang kosong dan yang tidak perlu lagi dan penggunaan mesin-mesin automatik. Walau bagaimanapun, penduduk negara ini semakin bertambah dan dalam keadaan di mana banyak aspek pembangunan harus dirancang dengan baik, proses pengurusan pekerja-pekerja perkhidmatan awam itu mestilah dilakukan dengan teliti supaya tidak menjejaskan kelicinan dan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

- (b) Setelah laporan kajian Montgomery-Esman dikeluarkan, sebanyak kajian organisasi telah dibuat oleh Unit Pembangunan Pentadbiran yang ditubuhkan hasil dari kajian Montgomery-Esman itu. Tugas itu telah diambil alih oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU). MAMPU sendiri setakat ini telah menjalankan lebih kurang 240 kajian organisasi agensi-agensi di peringkat pusat dan negeri. Ini tidak termasuk kajian-kajian yang dijalankan oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Pembangunan Pentadbiran (UPP), Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) dan Kementerian-kementerian. Masalah kakitangan selalunya menjadi satu aspek yang penting kajian-kajian yang dijalankan itu.

- (c) Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah pentadbiran untuk meningkatkan kecekapan dan pengeluaran sektor awam. Langkah-langkah itu termasuk Ethika Perkhidmatan Awam, Sistem Kad Perakam Waktu, Tanda Nama, Konsep Pejabat Terbuka, Kepimpinan Melalui Teladan, Fail Meja, Manual Prosedure Kerja, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, Peti Cadangan dan Pengurusan Melalui Mesyuarat. Satu sistem pengawasan kemajuan yang dicapai yang menggunakan komputer telah diwujudkan di MAMPU bagi menilai kemajuan yang dicapai dan mengesan masalah-masalah yang dihadapi. Kemajuan pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia

Unit Pensiwaan dikesan dan dikawal oleh JPA dan Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa jumlah satu juta pekerja kepada 15 juta penduduk adalah suatu tenaga pekerja yang besar. Saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kegiatan mengisi penuh pegawai-pegawai Kerajaan yang dibuat beberapa tahun yang lalu dan baru-baru ini juga tidak bercanggah dengan pendapat Menteri yang mengatakan bahawa satu juta pekerja untuk 15 juta penduduk terlalu besar?

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih. Memang Kerajaan mempunyai Dasar Isi Penuh yang dilaksanakan beberapa tahun dahulu. Pada masa itu kerumitan kewangan, kemelesetan ekonomi dan kekurangan kewangan negara kita belum lagi mendesak dan membanjiri kita. Kita berpandukan kepada keadaan dari masa ke semasa.

Pada ketika ini dan beberapa tahun kebelakangan ini, satu dua tahun yang lalu terutama sekali, kita telah dilanda oleh kemelesetan kekurangan kewangan dan sebagainya. Kita semua tahu ini sama ada kita di pihak Kerajaan ataupun pihak Pembangkang dan oleh sebab itu maka kita telah menghentikan buat sementara waktu Dasar Isi Penuh ini dengan sebab-sebab yang realistik kerana kekurangan kewangan. Manakala ekonomi pulih dan kewangan bertambah baik, mudah-mudahan, kita akan kaji semula keadaan mengenai dengan Isi Penuh. Jadi, pendek kata, tidak ada bercanggah apa-apa.

SKANDAL BMF—LAPORAN

18. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) sama ada terdapat apa-apa unsur jenayah dalam penyiasaan yang dijalankan ke dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance oleh jawatankuasa penyiasaan 3 orang yang diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin; jika ya, beri butir-butir lanjut dan sama ada Bank Bumiputra Malaysia Berhad, iaitu syarikat Induk BMF, telah diarah membuat aduan kepada pihak-pihak berkenaan termasuk pihak polis mengenai jenayah-jenayah berhubung dengan skandal pinjaman-pinjaman BMF itu;
- (ii) berapakah jumlah pinjaman yang sebenarnya dikeluarkan oleh BMF di Hong Kong dan kepada siapa, dan berapakah hutang-hutang tersebut yang dijangka boleh diperolehi balik dan bila; dan mengapakah sebanyak \$1 billion dihapuskan apabila Petronas mengambil alih Bank Bumiputra Malaysia Bhd; dan
- (iii) bilakah laporan sementara mengenai siasatan ke dalam skandal BMF akan diumumkan kepada orang ramai.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soal mengenai BMF telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 8hb Oktober di Dewan yang mulia ini iaitu apabila menjawab soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Kota Melaka, Seremban dan Bandar Kuching. Begitu juga semasa membincangkan Usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 18hb Oktober minggu

sudah. Oleh itu saya tidak ada apa tambahan terhadap perkara-perkara yang telah dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 19 Y.B. Tuan Gooi Hok Seng tidak hadir).

HUTANG LUAR NEGERI

20. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan serta membayar balik hutang luar negara kita.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengurangkan penggantungan negara kita ke atas pinjaman-pinjaman dari luar negeri. Kerajaan sentiasa memperolehi pinjaman punca-punca tempatan sebelum memperolehi pinjaman dari punca-punca luar negeri. Dalam pada itu Kerajaan juga telah mengkaji semula aktiviti dan program yang sedang dan akan dilaksanakan di mana-mana projek yang produktif sahaja diluluskan. Langkah ini akan terus dilaksanakan sehingga kedudukan ekonomi pulih semula.

TEKSTIL MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT

21. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) mutu tekstil Malaysia yang dieksport ke Amerika Syarikat dalam tahun 1983, 1982, 1981 dan 1980;
- (ii) apakah hasil penyiasatan yang dijalankan baru-baru ini terhadap tuduhan menjual

murah tekstil Malaysia ke pasaran Amerika Syarikat; dan

- (iii) apakah pendirian Asean terhadap dasar perlindungan baru oleh pentabiran Amerika Syarikat untuk menyekat importan tekstil walaupun ia terus mengutarakan apa yang dikatakan dasar pasaran bebas.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mutu tekstil keluaran Malaysia yang dieksport ke Amerika Syarikat adalah bertambah baik dari tahun ke tahun dan setanding dengan mutu tekstil keluaran negara-negara lain.

Mengenai tuduhan menjual murah barang-barang tekstil Malaysia ke pasaran Amerika Syarikat oleh pihak industri tekstil tempatan di Amerika Syarikat, kes ini adalah masih dalam proses penyiasatan oleh pihak pentadbiran Amerika Syarikat dan keputusan masih belum lagi diambil sama ada countervailing duties, dengan izin, patut dikenakan atau tidak terhadap barang-barang tekstil Malaysia yang dieksport ke negara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, negara-negara ASEAN telah mengambil pendirian yang sama membantah dasar perlindungan baru pentadbiran Amerika Syarikat.

PELABUHAN KELANG— PENSWASTAAN

3. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Pelabuhan Kelang telah dipilih untuk diswastakan dan sama ada kajian yang teliti telah dibuat terutama dari segi kemampuan pelabuhan ini untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan kepada pengguna-pengguna pelabuhan ini dan

sumber kewangannya untuk meneruskan fungsinya tanpa bantuan Kerajaan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang difikirkan sesuai adalah bertujuan untuk mengurangkan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan di samping meninggikan lagi mutu perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Salah satu perkhidmatan yang dikenal pasti untuk diswastakan ialah perkhidmatan kemudahan-kemudahan di pelabuhan-pelabuhan di negara ini.

Pelabuhan Kelang telah dipilih oleh kerana ianya adalah pelabuhan utama negara dan kecekapan operasinya adalah penting kepada ekonomi negara. Pelaksanaan penswastakan ini dibuat dengan berperingkat-peringkat untuk memastikan kejayaan. Buat permulaannya perkhidmatan terminal kontena sahaja akan diswastakan. Kerajaan telah pun mengkaji dengan mendalam daripada segi kemampuan pelabuhan ini untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna dan juga kemampuan daripada segi kewangannya untuk ia beroperasi.

Penswastakan terminal kontena di Pelabuhan Kelang dijangka akan meningkatkan daya keupayaan terminal tersebut yang akan menambahkan hasil Kerajaan melalui cukai ke atas pendapatan yang akan meningkat. Demikian juga hasil Lembaga Pelabuhan Kelang akan meningkat melalui jumlah kendalian yang dijangka akan semakin bertambah.

KERAKYATAN MALAYSIA— PEMBATALAN

19. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kerakyatan Malaysia yang

dibatalkan dalam tahun-tahun 1981, 1982, 1983 dan hingga Ogos, 1984 berturut-turut dan memberi:

- (a) atas alasan-alasan apakah kerakyatan tersebut dibatalkan;
- (b) jumlah kerakyatan-kerakyatan yang dibatalkan bagi setiap alasan dalam tahun-tahun tersebut; dan
- (c) jumlah kerakyatan yang menunggu keputusan hasil penyiasatan bagi pembatalan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, taraf kewarganegaraan Malaysia mereka telah dilucutkan adalah mengikut perkara-perkara yang tertentu dalam Perlembagaan Malaysia sejajar dengan kesalahan yang dilakukan. Jumlah warganegara Malaysia yang dilucutkan taraf kewarganegaraannya semenjak tahun 1981 hingga 31hb Ogos, 1984 ialah seramai 637 orang. Sehingga 31hb Ogos, 1984 Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia seramai 669 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soalan sudah habis.

PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. AHLI DARI MATANG

3.30 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 25, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat penerangan sendiri berkaitan dengan ucapan saya tatkala membahaskan Rang Undang-undang Perhutanan di Dewan ini pada 16hb. Oktober 1984 khususnya berkaitan dengan teguran saya terhadap kelakuan seorang pegawai awam, Ketua Pengarah Hutan Negeri Perak.

Sebenarnya, saya sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat yang mewakili kawasan Matang berpendapat bahawa tempat yang sesuai bagi saya menyuarakan pendapat saya bagi faedah rakyat dan juga sebagai menunaikan tanggungjawab saya terhadap rakyat adalah di Dewan yang mulia ini kerana tujuan saya yang sebenar bukanlah untuk cabar mencabar sesiapa tetapi sekadar menunjukkan kepada pihak Kerajaan dengan cara positif dan membina atas apa-apa tindakan mana-mana pegawai Kerajaan yang dirasai dan didapati tidak betul pada pendapat saya.

Tujuan saya berbuat demikian adalah juga untuk memberi peringatan kepada pegawai-pegawai yang lain dalam kesemua Kementerian supaya sentiasa berpandu dengan cogan kata: "Bersih, Cekap dan Amanah" pada setiap masa demi kepentingan rakyat dan negara. Saya rasa ini adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai Wakil Rakyat.

Dengan perasaan yang saya sebutkan ini maka pada masa saya memberi ucapan di Dewan yang mulia ini pada 16hb Oktober, 1984 yang lepas saya telah terlanjur kata terhadap Pengarah Hutan di Perak, sungguhpun saya tidak berniat berbuat demikian. Sebenarnya Pengarah Hutan itu bersih dan segala apa-apa yang saya terlanjur kata itu dan oleh sebab itu saya minta maaf kepadanya dan juga kepada Dewan yang mulia ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas

masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb Oktober 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,942 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butir-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butir-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (19hb Oktober, 1984).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan baru kerana membentangkan belanjawan

sulungnya Jumaat lalu dan sekiranya saya tidak silap ini juga adalah ucapan sulung beliau di Dewan yang mulia ini dan di Parlimen ini.

Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan mempunyai satu lagi keistimewaan iaitu ia telah mencetuskan suatu bantahan dan tunjuk perasaan awam di Johor Bharu, Ahad lalu kerana Belanjawannya merupakan belanjawan orang-orang kaya pada masa ekonomi kita merosot dan kadar kemiskinan bertambah buruk akibat peningkatan harga barang-barang makanan perlu serta kekurangan perumahan kos rendah.

Saya ingin menyimpulkan ucapan sulung Belanjawan 1985 Yang Berhormat Menteri Kewangan itu sebagai terlalu bermurah hati atau "over-generous" terhadap orang-orang kaya dan telah melupai orang-orang miskin.

Falsafah di sebalik belanjawan 1985 boleh dilihat daripada jurang layanan di mana orang-orang berpendapatan rendah hanya diberi pengurangan sebanyak 1% dalam kadar cukai pendapatan mereka sementara mereka yang mempunyai pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$10,000 telah mendapat pengurangan dalam lingkungan 5 hingga 20%; peningkatan kadar pengecualian duti harta pesaka dari \$600,000 kepada \$2 juta dan pengurangan duti harta pesaka 12 hingga 60% dahulu bergantung kepada nilai pesaka kepada dua kadar sahaja ialah 5% bagi harta pesaka bernilai antara \$2 juta dan \$4 juta dan 10% bagi harta pesaka bernilai lebih \$4 juta.

Ketidakadilan dalam pengurangan baru cukai yang akan menyebabkan Perbendaharaan menanggung \$327 juta boleh dilihat daripada perbezaan yang didapati dalam penjimatan cukai akibat pengkajian semula kadar cukai

di mana orang-orang berpendapatan rendah akan beruntung dalam lingkungan berpuluh-puluh ringgit sahaja sedangkan orang-orang yang berpendapatan tinggi akan beruntung dalam lingkungan \$30,000 hingga \$40,000.

Maka seorang pekerja yang bergaji yang mempunyai seorang isteri dan anak yang menerima gaji sebanyak \$1,200 sebulan akan menjimatkan dalam ertikata cukai \$32, seorang pekerja yang menerima \$1,700 sebulan akan menjimatkan \$51 sementara seorang professional atau ahli perniagaan dengan pendapatan bulanan sebanyak \$20,000 yang akan dikenakan cukai atas \$232,000 akan menjimatkan sebanyak \$38,500.

Penyusunan semula kadar cukai pendapatan hendaklah bertujuan menjadikannya lebih adil dan bukan menyebabkan menjadi satu sistem yang lebih tidak adil serta regresif di mana orang-orang yang kaya dan berharta diberi satu "bonanza" dengan izin, sementara setiap orang digesa mengurangkan perbelanjaan untuk menghadapi zaman kerumitan ekonomi yang dihadapi oleh negara kita. Malah, pengurangan kadar cukai pendapatan sebanyak 1% bagi orang-orang berpendapatan rendah nampaknya merupakan suatu, dengan izin, "after-thought" untuk menyedapkan keputusan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengurangkan sebanyak 15% kadar cukai bagi orang-orang kaya.

Pengkajian semula cukai pendapatan serta perubahan dalam duti harta pesaka akan memburukkan lagi jurang pengagihan pendapatan dan kekayaan antara orang-orang kaya dan miskin dan mengolok-olokkan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan serta mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih adil.

Adalah terlalu awal untuk melihat sama ada harapan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa pengurangan cukai pendapatan akan menambahkan insentif, daya pengeluaran, simpanan dan pelaburan individu kerana nyatalah penjimatan cukai yang kecil itu akan digunakan oleh golongan berpendapatan rendah untuk menghadapi keadaan mendesak yang diburukkan oleh kemelesetan ekonomi dan inflasi sedangkan bagi orang-orang kaya pula, faktor-faktor lain mungkin menjadi lebih penting dalam memutuskan sama ada mereka hendak simpan dan melabur di Malaysia atau tidak, dan saya akan membicarakan ini kemudian.

Apa yang saya dapati adalah paling menganggukan mengenai Belanjawan ialah bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan baru kita nampaknya lebih menerima serta menyahut perwakilan-perwakilan yang dibuat oleh orang-orang kaya sementara keadaan buruk atau nasib dan kesengsaraan orang-orang miskin begitu sukar untuk mendapat perhatian beliau.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya telah berkata, saya petik, dengan izin:

“Kita tetap yakin bahawa demokrasi politik tidak lengkap dan sempurna jika rakyat tidak menikmati demokrasi ekonomi iaitu keupayaan untuk mengatasi kemiskinan. Kita percaya tidak ada seorangpun antara kita yang ingin dengan suka hatinya untuk hidup miskin. Sebaliknya setiap orang mempunyai impian dan keazaman hendak memiliki wang secukupnya supaya hidupnya lebih selesa, senang beribadat, bekerja dan menjalankan tanggungjawabnya terhadap keluarga dan agama. Inilah juga impian dan keazaman Kerajaan”.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Menteri Kewangan dan Kerajaan Barisan Nasional benar-benar mempercayai dalam demokrasi ekonomi, maka bagaimanakah mereka boleh menerangkan kepada orang-orang miskin dan rakyat berpendapatan rendah yang mewakili 80% daripada semua kaum di negara ini bahawa dalam Belanjawan 1985 Kerajaan hanya mampu membelanjakan \$2,190 juta untuk program pembasmian kemiskinan padahal salah satu daripada cabang Bank Bumiputra iaitu Bumiputra Malaysia Finance (BMF) boleh membazirkan dengan bebas lebih banyak wang daripada jumlah ini di Hong Kong?

Dan lagi bagaimanakah mereka boleh menyelaraskan pengakuan mereka mengenai demokrasi ekonomi bagi semua rakyat Malaysia sedangkan sejak sepuluh hari ini lebih 300 setinggan di Kampung Bercham yang diusir keluar oleh Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dengan menggunakan kira-kira 200 gas pemedih mata masih berkerumun di Balairaya Kecil Kampung Bercham di luar Ipoh dalam keadaan yang tidak sihat dan kotor tanpa “privacy” atau kemudahan-kemudahan untuk pelajar-pelajar untuk belajar atau membuat persiapan untuk menghadapi peperiksaan mereka dan ramai daripada setinggan berkenaan telah mengidap pelbagai jenis sakit, dan pihak berkuasa tidak membuat apa-apa pun untuk menempatkan mereka setelah merobohkan rumah-rumah setinggan mereka yang merupakan rumah mereka selama 10-15 tahun dan pihak berkuasa tidak mengambil berat langsung akan kebajikan atau kesihatan mereka.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa Kerajaan akan terus memberi keutamaan yang tinggi kepada pelaksanaan projek perumahan awam

kos rendah di seluruh negara dan telah mengumumkan bahawa peruntukan sebanyak \$278 juta akan disediakan bagi tahun 1985. Pada awalnya saya menganggap saya tersalah dengar kerana peruntukan ini adalah amat sedikit sekali dan ini membuktikan bahawa Kerajaan memberi keutamaan yang rendah terhadap hak asasi manusia setiap rakyat Malaysia untuk mempunyai satu tempat untuk berteduh kerana jumlah \$278 juta untuk pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah di seluruh negara bagi tahun 1985 adalah amat kurang sekali berbanding dengan kos pembinaan satu "gajah putih" yang megah—DAYABUMI—iaitu ibu pejabat UDA.

Keutamaan yang diberikan oleh Kerajaan adalah semuanya salah dan dasar-dasarnya lebih berorientasikan kekayaan dan bukan berorientasikan rakyat. Akan menjadi satu tragedi di Malaysia sekiranya kita sampai ke satu tahap dalam hidup awam dan Kerajaan di mana, dengan izin, Money Talks dan orang-orang miskin hanya boleh menderita dalam kesenyapan, dengan gas pemedih mata dilepaskan terhadap mereka kerana mereka miskin dan tidak berumah serta masalah-masalah dan rungutan-rungutan mereka tidak diendahkan dan ditekan. Ini mungkin menerangkan mengapa dalam belanjawan ini di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan berlagak seperti, dengan izin, Santa Claus bagi orang-orang kaya, golongan berpendapatan rendah tidak dilepaskan kerana para penunggang motosikal terpaksa membayar cukai jalan motosikal yang lebih tinggi untuk bantu membiayai beberapa "goodies" yang diberikan kepada orang-orang kaya.

Bahkan kenaikan bayaran pendaftaran dan pindah milik kenderaan hanya akan menambahkan kesusahan golongan berpendapatan

rendah kerana pemilihan kenderaan bukan lagi menjadi satu kemewahan sekarang tetapi satu keperluan dalam usaha untuk hidup.

Umpamanya, mengikut Belanjawan ini, bayaran pindah milik bagi kenderaan telah naik dari \$40 kepada \$100 dari individu kepada individu; dari \$40 kepada \$300 dari individu kepada syarikat; dan dari \$40 kepada \$100 dari syarikat kepada individu dan perihal memasukkan ke dalam buku pendaftaran nama lain-lain pihak yang menuntut atas pemilikan kenderaan akan yang dahulunya adalah percuma kini dikenakan bayaran \$50.

Ini akan bermakna bahawa seorang yang membeli sebuah kereta terpakai melalui sebuah syarikat kewangan akan terpaksa membayar perbelanjaan tambahan seperti berikut di bawah Belanjawan 1985:

- (i) pindah milik dari pemilik asal kepada syarikat kewangan: \$300
- (ii) pindah milik dari syarikat kewangan kepada individu atau hire purchaser: \$100
- (iii) memasukkan ke dalam buku pendaftaran tuntutan pemilikan oleh syarikat kewangan: \$ 50

Jumlah: \$450

Sebelum Belanjawan ini, seseorang yang membeli sebuah kereta terpakai hanya membayar \$80 iaitu 40 bagi setiap double transfer. Sekarang beliau terpaksa membayar \$450 kerana sudah tentu syarikat kewangan akan membebankan pembeli tersebut dengan perbelanjaan tambahan itu.

Hanya orang-orang berpendapatan rendah akan membeli kereta terpakai serta meminjam dari syarikat kewangan melalui sewa-beli kerana orang-orang kaya hanya akan mampu membeli kereta-kereta baru yang diimport dan yang termahal sekalipun tanpa menggunakan syarikat-syarikat sewa beli.

Saya berharap perkara ini boleh diperbetulkan dengan serta merta untuk mengurangkan kecondongan (bias) Belanjawan ini yang menentang orang-orang miskin dan berpendapatan rendah disebabkan cadangan Belanjawan ini "penalise" golongan berpendapatan rendah kerana mempunyai pendapatan yang rendah dan tidak mampu membeli kereta-kereta baru atau tidak mampu membeli tanpa sewa beli menerusi syarikat-syarikat kewangan.

Masalah-masalah asas ekonomi negara kita pada hari ini ialah Belanjawan defisit, defisit imbangan pembayaran, hutang negara, pengawalan dan akauntabiliti Kerajaan dan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan khasnya Agensi-agensi Di Luar Belanjawan (OBAs), kemiskinan dan pengagihan pendapatan dan kekayaan yang tidak saksama.

Walaupun belanjawan 1985 telah menyentuh masalah-masalah ini, tetapi ia tidak sebenarnya menghadapi sebab-sebab akar-umbunya ataupun memberikan penyelesaian kepadanya.

Akaun semasa telah berubah daripada lebih sebanyak \$2 billion pada tahun 1979 kepada kekurangan sebanyak \$600 juta pada tahun 1980; \$5.6 billion pada tahun 1981; \$8.1 billion pada tahun 1982; \$7.1 billion pada tahun 1983, jangkaan sebanyak \$5.2 billion tahun ini dan kira-kira \$4.9 billion bagi tahun 1985.

Ini bermakna bahawa bagi enam tahun iaitu dari tahun 1980 hingga 1985, Malaysia akan mencatat kekurangan sebanyak \$31.5 billion dalam akaun semasa kita. Penyebab utamanya ialah peningkatan deras dalam kekurangan perdagangan tidak ketara iaitu pembayaran ke luar negeri mengenai pendapatan pelaburan, pembayaran tambang kapal dan insurans, perjalanan dan pelajaran, pakar-pakar perunding asing dan royalti yang telah meningkatkan dari

\$2.1 billion dalam tahun 1976 kepada 44.9 billion dalam tahun 1979; \$5.8 billion dalam tahun 1981, \$6.3 billion dalam tahun 1982; \$8.5 billion dalam tahun 1983; dan jangkaan sebanyak \$9.9 billion bagi tahun 1984, dan anggaran sebanyak \$10.8 billion bagi tahun 1985.

Akibat ini, sungguhpun kita menjangkakan bahawa akaun dagangan akan mencatatkan lebih besar sebanyak \$4.7 billion bagi tahun 1984 dan \$5.9 billion dalam tahun 1985, kekurangan akaun semasa adalah dijangkakan sebanyak \$5.2 billion dan \$4.9 billion masing-masing.

Jumlah hasil Kerajaan Pusat bagi tahun 1983 adalah sebanyak \$18.6 billion sementara belanja mengurus adalah sebanyak \$18.4 billion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$9.4 billion yang membawa kepada kekurangan Belanjawan pada keseluruhannya sebanyak \$9.4 billion. Bagi tahun ini pula, kekurangan belanjawan adalah dijangka sebanyak \$8.4 billion sementara bagi tahun 1985 pula, ia adalah dianggarkan sebanyak \$6.3 billion.

Jumlah hutang Kerajaan Pusat yang belum selesai dianggar meningkat 17% dari \$49,508 juta pada tahun 1983 kepada \$57,746 juta pada akhir tahun 1984. Ini adalah disebabkan tambahan hutang luar negeri dari \$16,933 juta pada tahun 1983 kepada \$21,159 juta pada tahun 1984.

Jumlah bayaran hutang untuk tahun 1984 adalah dianggar sebanyak \$4,805 juta. Ini bermakna dari jumlah pinjaman-pinjaman baru sebanyak \$8,238 juta yang dipinjam dalam tahun 1984, \$4,905 juta dibelanjakan untuk membayar pinjaman-pinjaman lama dan ini adalah 58 peratus daripada pinjaman-pinjaman baru yang diperolehi dalam tahun 1984. Ini bermakna 58 sen dari setiap ringgit yang diperolehi melalui pinjaman-pinjaman baru dalam tahun 1984 telah digunakan untuk membayar

pinjaman-pinjaman lama kita berbanding dengan 42 sen bagi setiap ringgit untuk tahun 1983.

Jika kadar hutang ini berterusan, kita akan menempah keadaan yang sama yang dialami oleh Mexico dan Argentina di mana kita akan menggunakan 100 peratus dari pinjaman-pinjaman baru kita untuk membayar hutang-hutang lama kita.

Dalam tahun 1985, jumlah bayaran hutang akan meningkat kepada \$5,486 juta yang merupakan 26 peratus daripada belanja mengurus sebanyak \$21,537 juta untuk tahun 1985.

Apabila Kerajaan membentangkan Rancangan Malaysia Keempat dalam tahun 1981, Kerajaan telah mengumumkan bahawa semasa tempoh rancangan tersebut dari tahun 1981 hingga tahun 1985, Malaysia akan meminjam dari luar negeri sebanyak \$4,000 juta berbanding dengan \$3,907 juta semasa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga tetapi semasa empat tahun Rancangan Malaysia Keempat itu, kita sudahpun meminjam \$16.4 billion, lebih empat kali ganda dari sasaran Rancangan tersebut.

Kerajaan Barisan Nasional hendaklah disalahkan atas hutang negara yang begitu banyak berjumlah \$58 billion dengan hutang luar negerinya setinggi 37 peratus kerana apabila Kerajaan memutus dalam tahun 1981 untuk meminjam secara membabi buta dari luar negeri dengan pandang pilihanraya umum 1982 masa itu. Kerajaan sebenarnya memutus untuk menggadaikan masa depan Malaysia untuk kepentingan politik jangka pendeknya.

Stail Kerajaannya juga hendaklah bertanggungjawab disebabkan rasa pandang hina (contempt) Kerajaan terhadap perdebatan awam serta perundingan penuh sebelum memulakan inisiatif-inisiatif ekonomi ke atas dasar-dasar utama seperti

ditunjukkan dalam kes Projek Kereta Negara yang diumumkan perbincangan awam malah pengetahuan minima Jemaah Menteri.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru supaya mengadakan stail Kerajaan yang terbuka dan terus terang serta melibatkan orang ramai berhubung dengan perkara-perkara yang menjadi pandang berat bersama nasional. Umpamanya, Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah beritahu negara apakah rancangan-rancangan Kerajaan mempunyai berhubung dengan pinjaman dalam negeri dan luar negeri bagi tahun 1985 yang tidak patut dianggapkan sebagai satu rahsia besar supaya dengan berbuat demikian, perbincangan bijak awam mengenai strategi-strategi ekonomi dan kewangan bagi masa depan boleh diadakan.

Kerajaan masih belum lagi hentikan, dengan izin, "vicious circle" di mana akaun semasa dan belanjawan berkurangan yang menyebabkan hutang luar negeri yang besar yang kemudian dalam bentuk bayaran hutang telah menjadikan item tunggal yang terbesar sekali dalam defisit perkhidmatan dalam defisit akaun semasa.

Kerajaan hendaklah menghentikan kenaikan secara membabi buta hutang negara, membatalkan projek-projek kemewahan yang terlalu mahal, mengurangkan pergantungan ke atas pemborong-pemborong atau perunding-perunding asing dalam projek-projek pembinaan dan turn-key, mengembalikan \$1,000 juta yang dibelanjakan di seberang laut setiap tahun oleh ibubapa-ibubapa Malaysia untuk pelajaran tinggi anak-anak mereka dengan menubuhkan universiti-universiti, kolej-kolej dan politeknik-politeknik yang cukup di Malaysia atau membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta; hentikan penyalahgunaan

wang awam oleh Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan serta meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan, mewujudkan iklim kebangsaan di mana rakyat Malaysia akan simpan dan melabur di Malaysia dan bukan membenarkan modal dalam negeri mengalir ke luar negeri di mana antara tahun 1976 hingga 1983 sejumlah \$13 billion dianggarkan telah mengalir keluar serta mencegah rasuah dalam kehidupan awam.

Dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mensifatkan "Agensi-agensi Di Luar Belanjawan (O.B.A.s) sebagai satu "gejala baru" di mana perbelanjaan agensi-agensi di luar Belanjawan dijangka memuncak kepada \$7.2 billion atau 46 peratus daripada jumlah perbelanjaan awam pada tahun 1984. Bagi tahun 1985, perbelanjaan O.B.A.s ini akan dikurangkan sebanyak \$1.5 billion iaitu kepada \$5.7 billion. Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah menyatakan bahawa kaedah pengawasan dan pengurusan perbelanjaan tidak boleh berbeza antara perbelanjaan Kerajaan dan perbelanjaan agensi-agensi di luar Belanjawan kerana kedua-duanya memberi kesan yang sama di atas imbalan pembayaran dan kedudukan kewangan negara kita.

Jika diperhatikan publisiti yang diberikan baru-baru ini tentang perlunya meletakkan O.B.A.s di bawah pengawasan Kerajaan nampaknya tidak ada sistem pengawasan ke atasnya. Saya tidak bersetuju. Sungguhpun projek-projek dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi-agensi tersebut terletak di luar proses belanjawan biasa, namun agensi-agensi tersebut bukanlah di luar kawalan dan pengawasan Kerajaan. Sekiranya tidak silap, sekurang-kurangnya seorang wakil Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri

sentiasa menduduki dalam Lembaga Pengurus setiap O.B.A.s dan sekiranya O.B.A.s itu bertindak sesuka hati sehingga menidakan usaha Kerajaan untuk mengawal perbelanjaan pembangunannya maka ini adalah disebabkan bukan kerana tiada pengawalan Kerajaan tetapi kerana kawalan Kerajaan telah tergendala.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Masalah cara-cara "free-wheeling", dengan izin O.B.A.s ini adalah lebih mendalam kerana ia berpunca dari keengganan Kerajaan untuk menghormati prinsip pengakaunan awam atas penyelenggaraan wang awam sama ada secara langsung oleh Kerajaan dan jabatan-jabatannya atau secara tidak langsung melalui syarikat-syarikat Kerajaan atau lain-lain agensi di luar Belanjawan.

Kerajaan tidak boleh mendakwa bahawa ia tidak berkuasa untuk mengawal Agensi-agensi Di Luar Belanjawan dahulu kerana sekiranya inilah hakikatnya mengapakah Kerajaan Pusat meminjam \$20 billion serta menjamin selanjutnya \$7 billion kepada Agensi-agensi Di Luar Belanjawan tersebut yang gagal membayar balik hutang sebanyak \$800 juta.

Kerajaan amat bersalah kerana sifat tidak bertanggungjawab dengan membenarkan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan bergerak seolah-olah mereka adalah "a law unto themselves" tanpa kawalan atau pengawasan yang sempurna ke atas aktiviti-aktivitinya. Akan tetapi, persoalan yang harus dijawab ialah sama ada Kerajaan bersedia menerima prinsip perakaunan bagi semua Agensi-agensi Di Luar Belanjawan kerana pada analisa terakhir, Agensi-agensi Di Luar Belanjawan bertindak sebagai pemegang amanah (Trustees)

orang awam dalam menyelenggarakan wang awam yang diberikan kepada mereka.

Adalah amat anih sekali sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan hanya mengakui bahawa Agensi-agensi Di Luar Belanjawan adalah bertanggungjawab dan "accountable" kepada Kerajaan tetapi bukan kepada Parlimen dan rakyat pada hal Kerajaan sendiri adalah bertanggungjawab kepada Parlimen dan rakyat.

Parti DAP menyeru penubuhan sebuah Jawatankuasa Kira-kira Parlimen mengenai Agensi-agensi Di Luar Belanjawan sebagai sebuah Jawatankuasa Bersaudara atau Sistem Committee kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara untuk memeriksa serta menjadikan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan bertanggungjawab atau "accountable" kepada Parlimen.

Sekiranya Kerajaan tidak bersedia mengadakan pemeriksaan Parlimen ke atas Agensi-agensi Di Luar Belanjawan, maka pengumuman-pengumuman yang dibuat baru-baru ini tentang betapa perlunya Agensi-agensi Di Luar Belanjawan diletak di bawah pengawalannya tidaklah begitu menyakinkan, kerana siapakah yang seharusnya mengawasi pengawalan Kerajaan ke atas Agensi-agensi Di Luar Belanjawan kalau bukan Parliamennya sendiri.

Skandal BMF merupakan contoh yang paling baik sekali mengenai bagaimana walaupun pelbagai pengawasan Kerajaan dilakukan oleh agensi-agensi seperti Bank Negara Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri, perlakuan-perlakuan yang salah boleh berlaku semata-mata kerana kegagalan agensi-agensi regulatory Kerajaan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya telah berkata bahawa

"Peristiwa Pahit" BMF "telah lalu", bahawa tugas sekarang ialah untuk memperkukuhkan kedudukan Bank Bumiputra dan membina keyakinan orang ramai serta kalangan antarabangsa terhadap bank tersebut.

Yang Berhormat Menteri Kewangan tidaklah boleh lebih silap sekiranya beliau memikirkan skandal BMF boleh menjadi satu "Peristiwa Yang Telah Berlalu" dan boleh "Dilupai Serta Dimaafkan" oleh rakyat tanpa perakaunan awam yang sempurna terhadap skandal tersebut dan pesalah-pesalahnya dihukum.

Skandal BMF adalah terlalu menjijik dan melibatkan begitu banyak wang awam untuk disapu di bawah permaidani. Pinjaman-pinjaman sebanyak \$2.5 billion BMF itu adalah kira-kira 10 peratus Belanjawan 1985 dan boleh digunakan untuk menggandakan peruntukan wang bagi projek-projek pembasmian kemiskinan tahun depan, mengurangkan kemiskinan petani-petani, nelayan-nelayan, pekerja-pekerja orang tidak berumah, penganggur-penganggur serta orang-orang yang memerlukan bantuan.

Saya memang terperanjat dengan kata-kata Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai BMF kerana ucapannya itu boleh ditafsirkan salah sebagai satu petanda bahawa Kerajaan mahu "Menutupkan" seluruh skandal BMF dan melindungi pesalah-pesalah yang terlibat itu daripada pendakwaan dan conviction. Ini memang akan menimbulkan pula persoalan mengapa Kerajaan mahu menyembunyikan seluruh skandal BMF itu.

Sekiranya skandal BMF disembunyikan, maka ia merupakan satu isyarat kepada semua pegawai awam bahawa Kerajaan 2M tidak menganggap dengan seriusnya integrity kewibawaan, dedikasi dan amanah awam dan bahawa pelanggaran dan pencabulan

kepentingan negara seperti berlaku dalam skandal BMF boleh dimaafkan dan disembunyikan. Tidak ada yang lain yang akan menghancurkan keyakinan orang ramai dalam integrity dan amanah Kerajaan keseluruhannya.

Tidak seorang pun yang tidak akan bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Bank Bumiputra perlu diperkukuhkan dan keyakinan orang ramai dan kalangan antarabangsa terhadap bank tersebut dibina. Masalah Bank Bumiputra kini bukanlah kestabilan kewangannya kerana dengan sokongan penuh Kerajaan Malaysia serta pengambilan alih bank tersebut oleh PETRONAS tidak akan timbul sebarang keraguan tentang kekokuhan kewangannya.

Masalah yang dihadapi oleh Bank Bumiputra ialah sama ada ia boleh perolehi balik keyakinan awam dan antarabangsa dalam integrity dan amanah pegawai-pegawainya sama ada di syarikat induk bank tersebut atau syarikat-syarikat subsidiarinya. Ini hanya boleh dilakukan sekiranya Bank Bumiputra dipaksa mengakui kesilapan-kesilapannya yang sudahpun menjadi pengetahuan umum dan antarabangsa dan pegawai-pegawainya yang bersalah atas kerugian \$2.5 billion yang dialami oleh BMF dihukum untuk dijadikan sebagai contoh teladan.

Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin ke dalam skandal BMF dikatakan telah menyiapkan laporan keduanya yang akan menamakan orang-orang termasuk ahli-ahli politik yang termasyhur dan tindakan haruslah diambil terhadap mereka kerana skandal BMF tersebut.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan mengkotakan kata-katanya yang dilafazkan sekembalinya dari mesyuarat Bank Dunia dan International Monetary Fund pada awal Oktober bahawa Laporan Sementara Jawatankuasa

BMF akan diumumkan selepas pembentangan Belanjawan olehnya pada 19hb Oktober.

Saya juga menyerunya membuat satu penjelasan yang terus terang bahawa kata-kata yang dilafazkannya Jumaat lalu mengenai skandal BMF bukanlah bertujuan menutup secara awam cerita skandal BMF kerana ini adalah mustahil, kerana jauh daripada menjadi satu peristiwa "yang berlalu", ia masih wujud dan hidup segar dalam pemikiran rakyat Malaysia yang berfikiran waras sehingga satu perakaunan penuh diberi dan pesalah-pesalah yang terlibat dihukum.

Di sini ingin saya membicarakan penggunaan wang minyak oleh PETRONAS untuk menyelamatkan dan ambil-alih Bank Bumiputra serta membeli hutang lapuk BMF sebanyak \$2.5 billion.

Urusniaga (deal) antara Bank Bumiputra dan PETRONAS itu menetapkan satu precedent yang amat berbahaya dan tidak sihat dimana Kerajaan boleh mengelak pemeriksaan dan perakaunan awam dan Parlimen kerana pecah amanah, salah pengurusan dan kecuaiian yang amat sangat dalam Agensi-agensi Di Luar Belanjawan dengan menutup serta menanggung kerugian-kerugian besarnya dengan menyediakan agensi-agensi tersebut untuk dibeli oleh PETRONAS atau lain-lain Agensi-agensi Di Luar Belanjawan yang penuh dengan wang awam.

Maka urusniaga antara Bank Bumiputra dan PETRONAS merupakan satu pukulan hebat terhadap usaha yang dibuat oleh rakyat Malaysia untuk meletakkan OBAs di bawah kawalan dan perakaunan yang lebih kerana urusniaga tersebut merupakan satu cara bagi Agensi-agensi Di Luar Belanjawan menjadi lebih "unaccountable" dan tidak bertanggungjawab.

Pengambilan alih Bank Bumiputra oleh PETRONAS adalah juga bertentangan dengan pengakuan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk meletakkan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan ini di bawah kawalan dan pengawalseliaan yang lebih ketat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan baru mempunyai reputasi sebagai Raja Korporat (Corporate King) sebelum perlantikan beliau ke dalam Kabinet yang mengkagumkan rakyat Malaysia dengan pengambilan alih korporatnya (corporate take-overs) serta kebolehan luar biasanya dalam perang korporat. Tetapi beliau tidaklah boleh menganggap wang Kerajaan sebagai, dengan izin, Corporate Chessboard dan menggunakan secara toto, secara sepenuhnya strategi-strategi, taktik-taktik dan prinsip-prinsip yang mungkin relevant dalam dunia korporat.

Maka sebuah empayar korporat yang mempunyai sebuah syarikat yang dibebankan dengan hutang lapuk yang besar dalam lingkungan berbillion-billion ringgit boleh menyelamatkannya dengan mengaturkan lain-lain syarikat yang berada dalam kumpulan yang sama, yang mempunyai asset cair yang banyak, untuk mengambil alihnya dan dengan berbuat demikian lebaran kewangan kumpulan korporat tersebut akan menunjukkan keadaan yang sihat tanpa dikehendaki menjelaskan atau mengakaun kepada sesiapa salah pengurusan, pecah amanah atau lain-lain perbuatan kecuaiian yang mungkin telah dilakukan. Ini tidak boleh dipakai dalam pengurusan kewangan negara kerana prinsip pengakaunan awam dan Parlimen harus dipatuhi dengan tegasnya.

Disebabkan Kerajaan Malaysia kerap kali telah memberi jaminan secara umum bahawa Kerajaan akan

berdiri teguh di belakang Bank Bumiputra, maka Kerajaanlah yang harus menyelamatkan Bank Bumiputra dengan memohon kepada Parlimen untuk memberi wang pendahuluan kepada Bank Bumiputra, dan dalam kes ini kira-kira \$2.5 billion. Ini telah dibuat dalam kes Bank Rakyat di mana akibat pecah amanah, salah pengurusan dan kecuaiian yang menyebabkan kerugian besar, Bank Rakyat terpaksa diselamatkan oleh Parlimen. Skandal Bank Rakyat telah dibahaskan dalam Parlimen dan satu Kertas Putih telah dibentangkan sebelum Parlimen meluluskan sebanyak \$150 juta sebagai pendahuluan untuk menyelamatkan Bank Kerjasama tersebut.

Dalam kes Bank Bumiputra—PETRONAS ini, sungguhpun wang awam dalam bentuk wang minyak PETRONAS telah digunakan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra, Kerajaan akan mengelakkan pengakaunan kepada Parlimen dan orang ramai. Pengerusi PETRONAS, Tan Sri Raja Mohar bin Raja Badiozaman, telah berkata bahawa PETRONAS mempunyai keuntungan yang cukup untuk dimasuki ke dalam Bank Bumiputra sebagai sebahagian rancangan penyelamatan Kerajaan untuk menyusun semula Bank tersebut dan bahawa pembelian tersebut merupakan satu “good buy”, dengan izin.

Sekiranya PETRONAS memperolehi satu “good buy” dalam pengambilan alih Bank Bumiputra, maka PNB pula mengalami satu “bad sell” (satu “good buy” dan satu “bad sell”) dengan menjualkan 86% saham-saham yang dipegangnya dalam Bank Bumiputra dan Pengerusi PNB, Tun Ismail Ali harus memberi satu penjelasan kepada pemegang-pemegang saham PNB atas perkara ini.

Namun demikian, saya tidak fikir Tun Ismail Ali bimbang sangat atas penjualan saham majoriti PNB dalam bank Bumiputra kerana PNB lah yang mengalami satu "good sell" dan PETRONAS lah yang mengalami satu "bad buy" kerana menurut satu perkiraan, \$2 yang dibayar bagi setiap saham oleh PETRONAS adalah jauh melebihi nilai buku bersihnya yang hanya bernilai 25 sen bagi tiap-tiap saham. Saya difahamkan bahawa PNB akan mengisytiharkan dividen yang rendah antara 9% hingga 11%. Saya tidak ragu bahawa sekiranya PNB tidak menjual saham-saham majoritinya dalam Bank Bumiputra, ia tidak akan dapat mengisytiharkan apa-apa dividen bagi tahun ini sama sekali.

Alasan bahawa PETRONAS sekarang akan diperolehi lesen bank tidaklah begitu kukuh kerana sekiranya Kerajaan begitu berminat untuk mendapatkan PETRONAS mengendalikan sebuah bank, maka ia boleh dengan mudahnya mengeluarkan lesen bank baginya. Ini membawakan saya kepada satu lagi aspek mengenai urusan antara Bank Bumiputra dan PETRONAS, yakni kesalahan (legality) atau sebaliknya. Saya berpendapat bahawa PETRONAS telah bertindak di luar matlamat-matlamat berkanunnya dengan menggunakan \$2.5 billion wang minyak untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dan BMF.

Sungguhpun PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Syarikat dengan memorandum dan Articles of Associationnya sendiri, namun ia adalah ditubuhkan menerusi suatu Akta Parlimen iaitu Akta Kemajuan Petroleum, 1974 dan Statut Ibu atau Statut yang mengawalinya ialah Akta Kemajuan Petroleum dan bukan Akta Syarikat. Maka dengan itu matlamat-matlamat PETRONAS hendaklah terhad kepada terms dan dasar-dasar Akta yang sehubungan dengannya iaitu Akta Kemajuan Petroleum, 1974 di mana adalah

dinyatakan dalam permulaan Akta tersebut seperti berikut, dan saya petik:

"Suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk suatu perbadanan mencari dan mengeksploit petroleum sama ada di pantai atau di luar pantai dan pada perbadanan itu akan diletakhakkan seluruh pemunyaan mengenai petroleum tersebut dan juga hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan eksklusif berkenaan dengannya dan untuk mengawal perjalanan aktiviti-aktiviti penggunaan dan kemajuan berhubung dengan petroleum dan keluaran-keluarannya."

Disebabkan pembelian sebuah bank yang uzur serta menyelamatkan sebuah syarikat kewangan tidak boleh ditafsirkan sebagai mempunyai apa-apa hubungan dengan aktiviti-aktiviti penggunaan dan kemajuan atau aktiviti-aktiviti yang bersangkutan-paut dengan petroleum, maka PETRONAS telah melanggar matlamat-matlamat berkanunnya sendiri serta bertindak di luar undang-undang (ultra-vires).

PETRONAS mungkin mempunyai Memorandum dan Articles of Association yang kononnya memberikan kuasa untuk membeli bank-bank serta menyelamatkan syarikat-syarikat kewangan tetapi Memorandum dan Articles of Association seumpama itu akan menjadi tak sah (null and void) dan tidak akan mempunyai kekesan dari segi undang-undang kerana melanggar matlamat berkanun PETRONAS seperti digariskan oleh Akta Kemajuan Petroleum. Jika tidak, PETRONAS boleh juga menyertai bidang hiburan, beli dan jual detergent, menubuhkan rantai fast-food atau pasar raya serta aktiviti-aktiviti lain yang tidak bersangkutan-paut dengan petroleum sama sekali.

Apabila berada di Amerika Syaikat awal bulan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu pelajar-pelajar Malaysia bahawa beliau percaya Kerajaan telah bertindak dengan betul dalam urusan PETRONAS-Bank Bumiputra dan bahawa Kerajaan bersedia dicabar dalam mahkamah atas kesalahan dari segi undang-undang pengambilan alih Bank tersebut oleh PETRONAS.

Merujuk kepada pengumuman yang ada dibuat oleh saya terlebih dahulu mengenai hasrat Parti DAP untuk membawa PETRONAS ke mahkamah kerana bertindak di luar matlamat-matlamat berkanunnya (ultra vires), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata, dengan izin, saya petik:

“We are willing to let him challenge us. If we are found to be wrong, we will take corrective measures.”

Kami mendapati ini adalah cara yang paling tidak bertanggungjawab sama sekali dalam cara memerintah negara kita. Pertama, soal kesanggupan Kerajaan untuk disaman dalam mahkamah tidak timbul kerana Kerajaan tiada pilihan lain dalam perkara ini. Kedua, kenyataan beliau bahawa sekiranya Kerajaan didapati bersalah, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk membetulkan keadaan tersebut hanya akan bermakna bahawa Parlimen akan dipanggil untuk sidang tergepar untuk menjadikan sah secara retrospektif undang-undang yang didapati tidak sah seperti berlaku dalam Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) Perlu, 1975 yang didapati sebagai tidak sah dan tidak berperlembagaan oleh Majlis Privy dalam kes Teh Cheng Poh.

Disebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengaku bahawa terdapat kemungkinan urusan antara PETRONAS dan

Bank Bumiputra mungkin tidak sah dari segi undang-undang, maka Kerajaan dan khasnya Peguam Negara, berkewajipan merujuk perkara tersebut kepada mahkamah untuk mendapat satu keputusan yang definitif supaya jangan membenarkan hak-hak dan liabiliti-liabiliti undang-undang yang mungkin timbul selepas urusan antara PETRONAS dan bank Bumiputra dibiarkan diragui mengenai kesahannya.

Kes PETRONAS-Bank Bumiputra ini tidak boleh dilayan seperti kes Teh Cheng Poh berhubung dengan Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) Perlu, kerana kes PETRONAS-Bank Bumiputra itu akan menimbulkan hak-hak dan liabiliti-liabiliti, perdagangan-perdagangan, kewangan, harta benda dan lain-lain.

Saya ingin bertanya Peguam Negara sama ada beliau bercadang merujuk urusan antara PETRONAS dan Bank Bumiputra ini kepada mahkamah untuk mendapat suatu keputusan yang definitif atas daya usahanya sendiri atau apakah beliau bersiap sedia untuk dijadikan sebagai satu pihak (to be joined) untuk mendapat keputusan mahkamah mengenai sahnya dari segi undang-undang pengambilan-alih Bank Bumiputra oleh PETRONAS.

Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 7hb Oktober, telah memutuskan bahawa demi kepentingan awam, pengambilan alih Bank Bumiputra hendaklah dibawa ke Mahkamah untuk mencabar kesahannya kerana sekiranya didapati bahawa dakwaan kami bahawa PETRONAS tidak boleh dari segi undang-undang bertindak di luar matlamat-matlamat berkanunnya yang digariskan oleh Akta Kemajuan Petroleum walaupun ia ditubuhkan di bawah Akta Syarikat didapati betul, maka sekurang-kurangnya 50% daripada 33 matlamat-matlamat dan kuasa-kuasanya dalam

Articles of Association PETRONAS adalah salah dari segi undang-undang serta haram.

Parti DAP berhajat ke Mahkamah untuk mendapatkan suatu perisytiharan atas sembilan perkara berikut:

- (1) Suatu perisytiharan bahawa matlamat dan kuasa PETRONAS hendaklah sama ada diberi atau diperolehi menerusi implikasi yang munasabah Akta Kemajuan Petroleum 1974;
- (2) Suatu perisytiharan bahawa setiap matlamat yang digariskan dalam Memorandum dan articles of association PETRONAS selain daripada matlamat-matlamat yang bersangkutan paut atau sesuai terhadap pencapaian matlamat Akta Kemajuan Petroleum 1974 adalah bertentangan dengan PETRONAS serta tidak sah khususnya Artikel 3, 7, 9, 12, 14 dan 16;
- (3) Suatu perisytiharan bahawa pembelian saham-saham Bank Bumiputra Malaysia Bhd. oleh PETRONAS bukanlah dalam lingkungan matlamat dan tujuan Akta Kemajuan Petroleum 1974;
- (4) Suatu perisytiharan bahawa pembelian atau pengambilan alih masalah pinjaman \$2.225 billion dari Bank Bumiputra Malaysia Bhd oleh PETRONAS adalah ultra vires PETRONAS Development Act kerana tidak termasuk dalam matlamat dan tujuan Akta tersebut;
- (5) Suatu perisytiharan bahawa Perdana Menteri Malaysia tidak boleh kononnya bertindak di bawah peruntukan Seksyen 3 (2) Akta PETRONAS

Development Act mengeluarkan arahan kepada PETRONAS untuk membeli atau mengambil alih saham-saham dalam Bank Bumiputra Malaysia Bhd. dan bahawa arahan seumpama itu tidak terikat ke atas PETRONAS;

- (6) Suatu perisytiharan bahawa resolusi Kerajaan Malaysia, iaitu pemegang tunggal saham PETRONAS, yang meluluskan pembelian saham-saham Bank Bumiputra oleh PETRONAS adalah bertentangan dengan PETRONAS kerana tidak termasuk dalam lingkungan matlamat dan tujuan Akta Kemajuan Petroleum 1974;
- (7) Suatu perisytiharan bahawa PETRONAS tidaklah berkuasa memberi bantuan kewangan untuk menyusun semula Bank Bumiputra Malaysia Bhd. atau mengambil bahagian dalam mana-mana operasi penyelamatan berhubung dengan Bank Bumiputra Malaysia Bhd.;
- (8) Suatu perisytiharan bahawa:
 - (a) pembelian 90% modal saham Bank Bumiputra Malaysia Bhd. dengan harga \$933 juta dari Permodalan Nasional Bhd.;
 - (b) Kemasukan \$300 juta ke dalam Bank Bumiputra Sdn. Bhd.;
 - (c) Pengambilan alih masalah pinjaman sebanyak \$2.225 billion Bank Bumiputra dengan harga \$1.255 billion semuanya adalah dibuat bertentangan dengan kepentingan PETRONAS;

- (9) Suatu perisytiharan bahawa Raja Tan Sri Mohar atas sifatnya sebagai Pengerusi PETRONAS telah tidak bertindak demi kepentingan PETRONAS dalam meluluskan segala transeksi atau pembelian saham-saham Bank Bumiputra oleh PETRONAS dan dengan demikian telah gagal menunaikan kewajipannya sebagai seorang pegawai PETRONAS yang harus bertindak secara *bona fide* demi kepentingan PETRONAS.

Kami difahamkan bahawa Majlis Peguam mengikut matlamat-matlamat dan tugas-tugas berkanunnya di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 iaitu "to uphold the cause of justice" serta menasihatkan Kerajaan mengenai undang-undang negara adalah berminat membawa satu kes ujian ke mahkamah untuk menentukan sahnya dari segi undang-undang urusan antara PETRONAS dan Bank Bumiputra itu.

Memandangkan Majlis Peguam sungguh berminat dalam perkara ini, maka kami dalam Parti DAP bersedia membenarkan Majlis Peguam membawa kes ujian ini mengenai sahnya dari segi undang-undang pengambilan alih Bank Bumiputra serta hutang-hutang lapuk BMF oleh PETRONAS ke Mahkamah dan atas sebab inilah kami tidak bertindak lanjut dalam perkara ini. Kami akan menunggu keputusan Majlis Peguam sama ada ia hendak meneruskan dengan tindakannya atau tidak.

Di sini PETRONAS merupakan sebuah OBA yang terbesar sekali dan tidak accountable oleh kerana tidak lama dahulu, Setiausaha saya dalam Pejabat Ketua Pembangkang, Saudara Mahadevan Nair ada menulis sepucuk surat kepada PETRONAS meminta laporan tahunan daripada PETRONAS untuk penggunaan perbincangan Budget. Tetapi sehingga

sekarang kita tidak menerima apa-apa jawapan. Nampaknya pegawai-pegawai PETRONAS sudah lupa bahawa mereka bukan pemilik sendiri PETRONAS tetapi sebenarnya trustees rakyat dan patut akaun kepada Parlimen sebagai wakil kepada orang ramai.

Suratkhabar tempatan baru-baru ini ada mengeluarkan satu laporan bagaimana begitu sukar untuk mendapatkan laporan tahunan khasnya kira-kira 1983 daripada Pejabat Pendaftaran Syarikat. Kenapa ada berlaku kerahsiaan dan mystery ini? Mengikut laporan tersebut, PETRONAS dan anak-anak syarikatnya bernilai \$9.5 billion pada 31hb Mac, 1983 dan simpanannya ialah \$9 billion dan boleh dibandingkan dengan simpanan negara yang pada akhir Disember 1983 dalam MAS dan Foreign Exchange ialah dekat \$8.8 billion dan belanjawan Tahun Kewangan 1983 untuk PETRONAS ialah \$390 juta dan untuk Emolument 15 orang Pengarah berjumlah \$1.4 juta yang bererti bahawa average sebulan \$8,422 dan ini tidak termasuk pinjaman-pinjaman kepada Pengarah-pengarah untuk perumahan, kenderaan yang semua berjumlah \$1.2 juta.

Tuan yang di-Pertua, selepas skandal PERTAMINA di Indonesia, ada orang yang mensifatkan PETRONAS sebagai sebuah syarikat minyak nasional yang sangat top heavy sungguhpun tidak mengeluarkan setitik minyak. Kerahsiaan dan mystery PETRONAS yang tidak accountable kepada sesiapa selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa sangat tidak sihat dan tidak wajar khasnya oleh kerana PETRONAS adalah dengan tanggungannya, simpanan dan kewangan yang begitu besar sehingga boleh menjadi parallel government. saya rasa masa sudah sampai di mana operasi-operasi PETRONAS dalam

satu keadaan yang begitu rahsia patut ditamatkan. Khasnya apabila kita mahu semua OBAs yang lebih terbuka dan lebih accountable mengenai tindakan, kelakuan mereka dan PETRONAS patutlah membuat satu contoh supaya lebih terbuka dan untuk menerangkan kepada orang ramai, kepada Parlimen mengenai semua aspek operasi, dasar dan pengurusan baik pun dari segi minyak atau kewangan. Kita tidak mahu satu keadaan di mana dalam sektor awam di mana sektor awam semua jabatan dan kakitangan Kerajaan diseru untuk berjimat (austerity) tetapi selain daripada PETRONAS di mana oleh kerana dengan wang minyak yang tidak terhad, menjadi satu "oasis of plenty, overstaffed", dan dibayar dengan gaji yang tinggi dan dengan kerja yang minima.

Saya rasa sumber awam minyak Malaysia tidak bertujuan untuk memberi bonanza kepada mereka yang bernasib baik yang dilantik sebagai Pengarah dalam Lembaga PETRONAS, tetapi masa sudah sampai di mana PETRONAS perlu menerangkan, justify Belanjawan Tahunan \$400 juta setahun dan Belanjawan untuk Director-director yang berjumlah hampir \$3 juta.

Yang kedua, PETRONAS patut dengan sukarela membentangkan akaun-akaun kepada Ketua Audit Negara supaya diauditkan dan menunjukkan bahawa mereka menerima prinsip accountability kepada Parlimen dan untuk laporan dibuat oleh Ketua Audit Negara kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980 Kerajaan ada menggubal dan melaksanakan Dasar Susutan Minyak Negara untuk menyimpan (conserve) sumber alam minyak untuk generasi-generasi yang akan datang. Tetapi daripada angka-angka pengeluaran minyak yang menunjukkan bahawa

untuk enam bulan di tahun 1983 pengeluaran ialah 371,000 tong sehari yang menunjukkan bahawa Dasar Susutan Minyak Negara bukan untuk conserve tetapi untuk deplete resources yang kita ada. Sekarang kita ada dengar cadangan-cadangan bahawa untuk mengatasi defisit-defisit Malaysia dalam budget dan balance of payments bahawa pengeluaran minyak ditingkat kepada 600,000 tong sehari sungguhpun harga minyak di dunia sudah jatuh. Dan dua hari lalu Menteri Kewangan menyatakan bahawa Malaysia tidak akan kurangkan pengeluaran minyak sungguhpun harga minyak dalam dunia sudah jatuh yang menunjukkan betapa desparate Malaysia untuk bergantung kepada resource petroleum untuk menyelamatkan keadaan ekonomi kita dan sebenarnya untuk mengeneipkan Dasar Susutan Minyak Negara.

Tuan yang di-Pertua, apabila accountability awam tidak dipatuhi semacam ada berlaku skandal BMF dan contohnya PETRONAS memangnya di perkhidmatan awam mutu integrity akan jatuh dan akibatnya ialah masalah rasuah akan bermaharajalela. Sebenarnya rasuah yang ada sekarang boleh dikatakan yang tercacat sekali dalam dekad 80an.

Jaminan Kerajaan 2M untuk mengadakan satu Kerajaan yang bersih, cekap dan beramanah sekarang boleh jadi satu motto yang tidak dipercayai oleh rakyat Malaysia oleh kerana jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk, dengan izin "put the fear of God" dalam mereka yang korup nampaknya tidak menakutkan sesiapa.

Saya menyeru Kerajaan 2M supaya mengadakan commitment kali yang kedua, suatu commitment yang mendalam untuk menerangi korupsi, salah guna kuasa dan pecah amanah oleh kerana kalau ini tidak diadakan

mereka akan merupakan satu kanser yang akan menjahanamkan negara dan masyarakat kita.

Dalam perkara ini pemimpin-pemimpin politik sama ada di peringkat Federal atau Negeri patut menjadi contoh yang baik, mengadakan mutu yang tinggi khasnya moraliti politik. Kes yang sangat jelas di Sabah di mana Ketua Menteri Sabah yang sudah terang-terangnya mencabuli Perlembagaan Sabah khasnya Fasal 6 (5) yang mencegah Ketua Menteri Sabah melibatkan diri secara giat dalam kegiatan-kegiatan commercial adalah satu contoh yang baik.

Sebagai satu jawab kepada cabaran yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah pada 3hb September di Dewan Perhimpunan Cina di Kuala Lumpur saya dengan secara terbuka ada mendakwanya ada memecahkan Perlembagaan Negeri Sabah Fasal 6 (5) dan saya telah menamakan 3 syarikat di mana beliau memegang jawatan Pengarah dalam tempoh beliau menjadi Ketua Menteri Sabah yakni Syarikat-syarikat Bersaudara Sdn. Bhd, Empat Bersaudari Sdn. Bhd dan Sejati Sdn. Bhd.

Pada 24hb September di tempat yang sama iaitu di Dewan Perhimpunan Cina saya pun ada menamakan syarikat yang keempat di mana beliau memegang jawatan sebagai Director semasa beliau menjadi Ketua Menteri Sabah ialah SADAS Sdn. Bhd. Saya pun ada sebut mengenai syarikat yang kelima di mana saya menyeru siasatan oleh Anti-Corruption Agency atau Badan Pencegah Rasuah. Syarikat itu ialah Minyak Berjaya Sdn. Bhd yang diperbadankan pada 7hb Ogos, 1974 di Kota Kinabalu

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua on a point of order.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yaakob: On a point of order di bawah S. O. 36 (6) di mana seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat dan ini merupakan satu tohmahan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas yang saya rasa kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak berterusan, lebih baik dia mengeluarkan kata-kata ini di luar Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini ialah mengenai seorang Ketua Menteri Sabah dan bukan seorang Ahli Parlimen. Saya sebut mengenai pentingnya seorang mengadakan mutu moraliti politik yang tinggi dan ini satu perkara kepentingan orang ramai dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat saya sudahpun bercakap perkara ini di luar Dewan. Kalau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mahu cabar, saya menerima, bukan daripada Yang Berhormat itu sendiri. Kenapa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri lagi sekali ke Chinese Assembly Hall, kita pergi. Saya mahu Ketua Menteri datang dan bukan bila saya datang menghalang saya masuk. Semua penakut!

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat boleh beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Inilah masalah yang kita hadapi di dalam Dewan ini. Nampaknya setiap kali perdebatan dari DAP ini digunakan sebagai satu forum untuk menghasut sana sini, memperkecilkan orang dan bukan membahaskan Belanjawan yang ada sekarang. Jadi saya rasa inilah satu tindak tanduk DAP yang tidak

bertanggungjawab. Kalau ini berterusan, saya rasa beberapa Ahli-ahli Dewan akan bercakap hal-hal persendirian dan kalau kita teruskan macam ini satu minggu pun boleh. Jadi inilah satu masa yang dibuang, ini adalah satu masa yang seharusnya tidak dibuang kerana kita banyak urusan yang lebih penting lagi.

Jadi saya rasa saya berharaplah supaya Tuan Yang di-Pertua akan memberi satu ruling supaya perkara ini tidak akan dapat diperteruskan. Kerana kita mempunyai Ahli-ahli yang lain yang bercakap hal-hal soal negara, soal kepentingan rakyat dan sebagainya, bukan soal hendak menuduh seseorang dan sebagainya. Ini saya rasa haruslah ditimbang dengan sewajarnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (6) seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain. Jadi saya yakin Yang Berhormat dari Kota Melaka faham dan teruskan, jangan menyebut hal-hal mengenai perseorangan. Sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak menyebut mengenai hal-hal perseorangan tetapi sebagai seorang pemimpin negara inilah hal kepentingan orang ramai dan inilah satu perkara yang penting oleh kerana ada sangkut-paut dengan prestasi ekonomi kita, oleh kerana kalau dalam negara kita korupsi atau salah guna atau pecah amanah bermaharajalela apa-apa tindakan atau cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pun akhirnya sia-sia. Dan saya terperanjat bahawa ada Yang Berhormat dalam Dewan ini berani berdiri di sini yang berkata perkara-perkara salah guna kuasa, pecah amanah atau korupsi adalah satu perkara yang tidak mustahak. Kalau ini tidak mustahak apa perkara yang mustahaknya?

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Duduk dulu! Saya minta duduk. Jadi saya sedar apa Yang Berhormat dari Kota Melaka terangkan maka itu saya biarkan beliau bercakap atas sifatnya sebagai Pembangkang dan Ahli yang disebutkan namanya sebagai seorang yang bertanggungjawab dalam Kerajaan. Jadi saya harap beliau tidak akan panjang-panjangkan perkara ini lagi sebab sudah disebut berkali-kali dan kalau perkara ini betul-betul beliau mempunyai bukti yang cukup, sila kemukakan perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan. Saya harap Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan ucapan beliau kepada perkara-perkara yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Ini kali yang pertama saya utarakan perkara ini, maka saya rasa ini satu perkara yang mustahak untuk makluman Dewan yang mulia ini. Kalau ada perkara-perkara yang tidak mustahak di Dewan yang mulia ini, saya rasa Dewan yang mulia ini sudah hilang kedudukannya dan tempatnya

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai satu Dewan yang tertinggi sekarang. Dan saya ada seru bahawa Badan Pencegah Rasuah menyiasat perkara ini, sama ada berlaku percanggahan kepentingan (conflict of interest) oleh kerana dalam Syarikat Minyak BERJAYA Sdn. Bhd yang mengikut

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, minta beri jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu beri jalan oleh kerana beri jalan ialah untuk menjelaskan apa yang saya cakap, bukan berdiri untuk buat satu ucapan yang tidak bersangkutan-paut dengan apa-apa yang saya ada cakap.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: On a point of order.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Order, baik.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Fasal berapa?

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Yang saya katakan tadi 36 (6). Ini adalah satu sangkaan jahat. Kalau ada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mempunyai satu kesalahan lebih baik dilaporkan kepada pihak yang berkuasa sebab Badan Pencegah Rasuah ada, kenapa mesti ditimbulkan di sini. Kalau kita mahu tindakan, seharusnya diambil, kita mempunyai undang-undang yang tertentu, seharusnya ini ditujukan kepada pihak-pihak yang tertentu, jangan buang masa.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya sudah ingatkan Yang Berhormat tadi, sila!

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan point of order. Ini salahguna point of order.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Point of order, itu sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu point of disorder. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu teruskan perkara ini, minyak

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Panjang lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Perkara ini tidak panjang lagi, perkara ini pendek sahaja kalau tidak ada gangguan sudah habis.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya. Kalau boleh diubah kepada perkara yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Itu sangat pendek sahaja, saya mahu beberapa point dikemukakan bahawa Dewan yang mulia ini patut ambil perhatian oleh kerana saya percaya kalau Dewan yang mulia ini tidak boleh kemukakan perkara yang penting, saya rasa kita tidak akan menunaikan tanggungjawab kita kepada negara, kepada rakyat.

Tadi saya sebut perkara ini sangat pendek sahaja. Apa yang saya mahu ialah Badan Pencegah Rasuah siasat perkara ini sama ada timbul conflict of interest dalam kes Minyak BERJAYA Sdn. Bhd di mana mengikut laporan yang diberi kepada Pendaftar Syarikat, Harris Salleh yang ada memiliki saham 600,000 saham-saham daripada sejumlah 3 juta saham, Sabah Land Development Board yang memiliki 500,000 saham, dan selepas itu syarikat sepenuhnya ada dijual kepada SAPLANTCO Sdn. Bhd yang dimiliki dengan 100% oleh Sabah Land Development Board untuk satu consideration yang tidak diketahui.

Soalan saya ialah apa yang kita hadapi di sini ialah ada satu syarikat di mana Datuk Harris bin Mohd Salleh dalam rekod itu yang mempunyai 600,000 saham ada dijual kepada satu syarikat yang sebenarnya anak syarikat satu agensi Kerajaan, yang akhirnya bertanggungjawab kepada Ketua Menteri, sama ada conflict of interest. Saya berasa ini satu perkara yang kita perlu, kalau kita mahu satu Kerajaan yang cekap bersih dan amanah. Kalau perkara ini pun tidak boleh timbul di sini, apa lagi mahu mutu bersih, cekap dan amanah? Sebenarnya dalam lain-lain masyarakat di mana kita ada pemimpin-pemimpin yang ada morality politik yang matang, mungkin orang-orang semacam

tempat itu sudah meletak jawatan, tetapi nampaknya bukan di sini, beliau berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh selamatkannya daripada keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, korapsi satu perkara yang besar, salahguna kuasa dan pecah amanah. Dan sebenarnya korapsi di Sabah di bawah Kerajaan BERJAYA sudah begitu bermaharajalela sehingga ada disifit oleh orang-orang di Sabah sebagai dengan izin, "Besar kecil semua makan", itulah terjemahan (translation) daripada bahasa Tionghua yang ada "Ta siou tung cheh". (*Ketawa*).

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan untuk memberi satu ucapan yang tidak sangkut-paut dengan perkara ini

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Minta beri jalan

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu, contoh itu, kalau mahu terangkan apa yang saya cakap boleh. Bukan untuk buat ucapan yang bersendiri.

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Izinkan saya memberikan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, memberi penjelasan kepada apa yang dia cakapkan ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Beliau tidak beri peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Memberi penjelasan, minta saya jelaskan

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Mana boleh, salah pengertian itu

Tuan Lim Kit Siang:beri penjelasan atau minta saya jelaskan.

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Kerana apa yang didengarnya mungkin salah erti, you tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan beri penjelasan, minta saya penjelasan saya boleh

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Saya bukan minta penjelasan, tetapi saya hendak jelaskan kepada you

Tuan Lim Kit Siang: Bukan beri saya, minta saya penjelasan, soal itu

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan point of order, minta penjelasan, minta saya

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Minta beri jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, duduk dahulu!

Tuan Lim Kit Siang: Itu salah point of disorder.

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Tetapi you takut, you tidak berani memberi penjelasan, you tidak mahu beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Minta saya penjelasan, saya boleh beri, bukan sendiri beri penjelasan, itu masa ucapan.

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob: Cakap sahajalah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Baca baik-baiklah apa Standing Order

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan Sabah, ini Malaysia.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Jangan cabarlah, apa ertinya Sabah sama Malaysia?

Tuan Lim Kit Siang: Ini Malaysia.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Ini semua Malaysia

Tuan Lim Kit Siang: Semua Malaysia, tetapi ada orang di Sabah tidak anggap semua orang Malaysia, orang Malaysia.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Apa ini satu cabaran?

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini, ini point of disorder

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya minta Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini point of disorder.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Ini adalah cabaran yang dibuat dan mempunyai anggapan yang jahat kepada orang Sabah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya minta Yang Berhormat dari Hilir Padas duduk dahulu dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pun duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka akan teruskan ucapan beliau dan jangan mencabar sesiapa supaya ucapan beliau tidak diganggu, kita beri peluang beliau bercakap. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Tadi saya ada sebut sebelum saya diganggu bahawa korupsi dalam Kerajaan Sabah di bawah Kerajaan

BERJAYA sudah bermaharajalela sampai satu peringkat yang dalam bahasa Cina "Besar kecil semua makan".

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu tuduhan kepada satu Kerajaan. Saya mahu minta bukti-buktinya yang lengkap.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat akan diberi peluang sekejap nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab pada tahun 1978 apabila saya melawat Sabah, saya ada menyeru Kerajaan Sabah dan Ketua Menteri untuk memenuhi janji-janji pemimpin-pemimpin asal BERJAYA Allahyarham Tuan Fuad, Dato Peter Mojuntin dan Datuk Chong Thian Yun mahu mengadakan satu Kerajaan yang bersih, yang tidak korap, yang jujur, sebab itulah saya diharamkan daripada memasuki Sabah.

Saya percaya bahawa Ketua Menteri Sabah tidak boleh menafikan bahawa ada pemimpin-pemimpin BERJAYA yang ada menggunakan sehingga peringkat Majlis Tertinggi BERJAYA (Supreme Council), ada menyalahgunakan kuasa, ada korap, dan beliau sendiri ada mengakui dalam bulan Oktober, 1983 bahawa antara 1,600 orang Bumiputera yang ada meminjam \$105 juta daripada unit Bumiputera Participation & Corporation Rural Development, bahawa 70 orang ahli-ahli politik BERJAYA juga termasuk ahli-ahli Supreme Council BERJAYA ada salah caranya mendapat \$68 juta. Itulah buktinya yang diberikan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri sendiri "Besar kecil semua makan".

Di sini saya mahu sebut satu laporan yang dikeluarkan dalam magazine atau Majalah Time pada 27-4-1981, saya harap bahawa Badan Pencegah

Rasuah mengambil perhatian, dengan izin, saya petik daripada *Time Magazine*:

“Another problem plaguing Harris” economic development programme is corruption. Sabah’s Land Development Board, which is responsible for the ambitious resettlement program, is notoriously corrupt: contact kickbacks are routinely demanded. Throughout Sabah politics, money talks. The result of last month’s state elections, which Harris BERJAYA (Successful) Party won handily, was not unaffected by voters’ receiving the government’s annual gift of \$67 (US) just before the vote as well as the distribution of money and favours to village headmen for delivering votes. Harris has granted key BERJAYA supporters valuable timber licences and has himself

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Apa perkara Yang Berhormat?

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob: On a point of order 36. Ini semua sangkaan jahat, ini bercakap tidak ada bukti. Kalau mahu bercakap di luar Dewan, minta bukti!

Seorang Ahli Yang Berhormat: Disorderlah!

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Harris has granted key BERJAYA supporters valuable timber licences and has himself become enormously wealthy since taking office, with interests in oil, real estate, plantations and timber. The Chief Minister argues that “patronage” is involved, not “corruption”. “He gets his piece of the action but he doesn’t cheat”, says a Kota Kinabalu

businessman. “He insists on high standards and makes his millions honestly”.

Inilah dalam *Time Magazine*, bukan saya tulis.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Kota Melaka, ikut Peraturan Mesyuarat kita hadapkan ucapan kepada Yang di-Pertua!

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Bila Yang Berhormat hadapkan kepada orang lain, itu yang orang lain marah dan mengganggu ucapan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Nampaknya Badan Pencegah Rasuah tak baca *Time Magazine*. Saya haraplah dan saya memberi notis kepada Ketua Menteri Sabah, saya akan timbulkan perkara ini, hari ini tidak ada di sini, tetapi saya cabar kepada dia patutlah umumkan semua harta benda beliau dan keluarganya sebelum beliau menjawati Ketua Menteri dan sekarang dan juga senaraikan semua syarikat-syarikat di mana beliau dalam masa Ketua Menteri masih memegang jawatan sebagai Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah mengurangkan cukai-cukai, kadar cukai untuk mereka yang kaya, nampaknya satu exercise dalam “Reagonamics” untuk mahu mengadakan daya pengeluaran yang lebih tinggi dan pelaburan dan juga penjimatan dan individu sungguhpun teori ini “supply-side” sudah menimbulkan defisit yang terbesar dalam sejarah Amerika Syarikat.

Beberapa kajian sudah menunjukkan bahawa masalah di Malaysia bukanlah tak cukup modal oleh kerana kadar penjimatan di Malaysia lebih daripada kadar pelaburan dan sebab itu antara tahun

1976 kepada 1983 adalah kapital tempatan yang dekat \$13 billion yang sudah mengalir ke luar negeri. Masalah ialah kenapa kita tidak boleh memastikan bahawa modal-modal tempatan tinggal dalam negara kita untuk penggunaan ekonomi kita.

Selain daripada masalah-masalah tidak tentuan ekonomi yang timbul daripada keadaan antarabangsa, saya rasa satu masalah besar yang ada mempengaruhi masalah ini ialah masalah polarisasi kaum di Malaysia. Baru-baru minggu lalu saya diberitahu mengenai seorang "industrialist", seorang Malaysia keturunan Cina dalam tahun dekad 60an dan juga dalam 70an yang awal dengan seorang yang sokong dengan penuhnya dan perlunya usaha-usaha untuk membantu orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi supaya boleh kejar dan boleh menikmati juga setaraf dengan lain-lain kaum, faedah-faedah ekonomi. Tetapi sekarang dalam khasnya di akhir dekad 70an, beliau sudah sangat putus asa (disenchanted) dengan dasar-dasar dan program-program Dasar Ekonomi Baru dan beliau sudah menghindarkan terbanyak modal-modalnya kepada luar negeri untuk melaburkan di luar negeri. Mungkin pihak-pihak yang chauvinists, yang pelampau akan mendakwa orang semacam itu seorang yang tidak taat setia dan bahawa beliau kalau keluar tinggalkan Malaysia sebagai "good riddance", tetapi saya rasa ini bukan satu cara yang mahu kita mengatasi. Masalah-masalah dihadapi oleh kita ialah masalah polarisasi kaum, bukan sahaja yang akan memberi kesan dalam ekonomi, perpaduan negara tetapi juga masa depan negara oleh kerana kalau tidak, masalah akan lebih rumit.

Tuntutan-tuntutan berbagai-bagai yang diadakan untuk memanjangkan Dasar Ekonomi Baru khasnya selepas tahun 1990, proses Islamisasikan yang

lebih cepat dalam semua bidang kalangan nasional semuanya dan sikap tidak sensitiviti Kerajaan State atau Federal terhadap hak-hak hasrat-hasrat agama, politik, kebudayaan, ekonomi, pelajaran semua kaum, semua ugama, semua kebudayaan boleh mengakibatkan satu keadaan bukan sahaja ada polarisasi kaum lebih dahsyat, tetapi juga timbul polarisasi agama yang boleh merosakkan keadaan ekonomi khasnya akan mengenai perkara daya pengeluaran, aktiviti, pelaburan dan penjimatan di Malaysia.

Di sini satu perkara yang sangat ketara, sangat jelas ialah perkara isu Bukit China di mana tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberi satu jawapan dalam masa soal-jawab di mana diketahui oleh semua bahawa untuk 400-500 tahun Bukit China ialah harta pesaka kaum untuk kegunaan agama dan di mana boleh didapati 12,000 kubur. Inilah "symbolise" akar-umbi kebudayaan, khasnya rakyat Malaysia keturunan Cina, sumbangan mereka terhadap pembinaan negara dan juga kebebasan agama, kedudukan politik dan hak-hak mereka sebagai warganegara dan juga sepatutnya diakui dan dianggap sebagai warisan nasional semua kaum rakyat Malaysia tak kira kaum. Tetapi malangnya Kerajaan Negeri Melaka tak hirau sensitiviti historic kebudayaan, keagamaan dan politik dan tanpa pembicaraan dan persetujuan Pemegang Amanah Bukit China ialah Kuil-kuil Cheng Hoon Teng sudah dengan sendirinya mengumumkan rancangan Kerajaan Melaka untuk merata dan membangunkan Bukit China dengan kedua rancangan pembangunan dan dengan pemberitahu dalam *Gazette* mahu ambil alih Bukit China untuk tujuan buat jalan.

Satu perkara yang diketahui oleh semua orang ialah semenjak merdeka tahun 1957 ada pemimpin-pemimpin

UMNO dan MCA yang ada apa saya sifat sebagai "mimpi" Bukit China oleh kerana sesiapa yang dapat hak untuk membangunkan Bukit China yang di dalam Bandar Melaka sebenarnya boleh mendapat satu "franchise" untuk buat wang (mint money) dan boleh menjadi multi-millionaire. Tetapi dalam perkara ini kalau perkara ini dijalankan dengan paksa, harga sangat tinggi oleh kerana akan merosakkan bukan sahaja perpaduan antara kaum, antara ugama, antara kebudayaan, tetapi juga perpaduan negara. Ini saya sebut perkara ini oleh kerana ini ada bersangkutan-paut dengan kepercayaan investment dalam Malaysia. Sebagai contohnya, Bukit China dengan paksa tanpa persetujuan community Cina diratakan, dibangunkan tentulah akan timbul syak wasangka bahawa kalau sebuah harta pesaka yang beratus tahun pun tidak boleh selamat, ada apa hak dalam Malaysia yang selamat.

Oleh sebab itu, saya menyeru Kerajaan Federal khasnya untuk menggunakan budibicaranya supaya memberhentikan Kerajaan Melaka daripada dengan paksa memaksakan Kuil Cheng Hoon Teng untuk bersetuju untuk meratakan, membangunkan Bukit China dan juga menarik balik semua langkah-langkah yang mahu memaksakan tujuan tersebut, termasuk tuntutan \$2 juta untuk bayaran "quit rent" mengenai "gazette notification", mengenai dua-dua pelan pembangunan untuk Bukit China.

Kalau Kerajaan Federal tidak ambil hirau masalah semacam Bukit China tentulah semua usaha-usaha baik pun Menteri Kewangan atau Kerajaan Federal untuk mahu membina satu suasana yang sesuai, untuk keharmonian nasional di mana menggalakkan pelaburan jangka panjang akan gagal dan oleh kerana boleh disifatkan semasa itu Kerajaan Negeri sebagai OBAs yang akan gigit semua usaha-usaha Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi ada sebut bahawa sangat mustahak khasnya apabila kita ada seorang Menteri Kewangan yang dengan latar belakang corporate bahawa beliau menunjukkan tindakan-tindakan Kerajaan ialah people oriented dan bukan wang oriented dan sikap Kerajaan terhadap masalah Papan sebagai contohnya akan menunjukkan sama ada Kerajaan akan lebih people oriented daripada wang oriented, sama ada ini akan menjadi satu test case khasnya sama ada kebajikan, kesihatan, kesejahteraan 20,000 orang penduduk-penduduk di Papan dan kawasan sekelilingnya akan lebih mustahak, dapat keutamaan atau keuntungan sebuah syarikat joint-venture antara Jepun dan Malaysia untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang sebenarnya diharamkan di Jepun oleh kerana membahayakan kesihatan dan kehidupan manusia.

Dan baru-baru ini kita dapat dua orang pakar physicist daripada Britain, William Campbell dan seorang pakar nuklear, Dr Edward Rapert yang ada buat inspection, yang ada dapati bahawa dump radio aktif itu sangat tidak sesuai dan di sini saya haraplah bahawa Kerajaan baikpun peringkat Nasional atau State akan menghiraukan hasrat-hasrat 20,000 penduduk-penduduk di Papan dan kawasan sekelilingnya supaya kawasan itu dipindahkan semacam Kerajaan menghiraukan objection yang dibuat oleh rakyat di Parit apabila tempat itu pada asalnya dipilih untuk dump tersebut.

Akhirnya, satu perkara sahaja saya mahu timbulkan sebelum saya tamat. Dalam perbincangan usul saya mengenai Suruhanjaya di Raja BMF, Yang Berhormat dari Padang Serai, daripada MCA ada cabar saya dan ada pun buat insinuation bahawa ada ditawarkan dan saya takut kenapa saya tidak bongkar satu perkara mengenai syarikat kewangan

tempat di mana ada pinjaman-pinjaman yang tidak regular yang terlibat \$30 juta.

Saya ada jumpa Gabenor Bank Negara, Tan Sri Aziz Taha mengenai perkara ini. Oleh kerana kita tidak mahu berlaku BMF-BMF tempatan yang akan merosakkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi-institusi kewangan di negara kita, oleh sebab wang orang ramai ada disalahgunakan. Wang ada ditaruh dalam syarikat-syarikat kewangan tempatan.

Selepas itu saya baca dalam suratkhbar bahawa pop MCA, Neo Yee Pan pun ada menuntut bahawa mereka pun ada maklumat-maklumat mengenai kes finance company ini yang mereka pun mahu bongkar apa yang telah tidak wajar. Oleh kerana tersebut saya tidak mahu campur power struggle dalam MCA, saya tidak mahu digunakan sebagai alat apa-apa pihak, saya akan membenarkan peluang kepada MCA puak Neo Yee Pan untuk bongkarkan perkara ini mengenai local finance company. Saya hendak tengok sama ada mereka berani atau tak berani, atau mereka tak berani oleh kerana mereka tahu mereka ada banyak skeletons dalam cupboards mereka pun. Dan saya reserve kedudukan saya sehingga tengok sama ada mereka mahu demi kepentingan orang ramai utarakan perkara ini kepada kalangan orang ramai.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

5.05 ptg.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong (Labuk Sugut): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersama-sama rakan-rakan yang lain membincang dan menyokong Belanjawan tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober, 1984. Strategi

Belanjawan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah sesuai di mana ekonomi negara kita ini sedang mengalami keadaan pemulihan. Saya juga tertarik dengan penekanan yang penting yang dibuat oleh Kerajaan dalam soal-soal membasmi kemiskinan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita telah mendengar tuduhan yang dibuat oleh Wakil dari Kota Melaka berkenaan dengan Ketua Menteri Sabah khususnya beliau mengatakan iaitu rasuah yang berleluasa di Sabah dan pengisytiharan harta Yang Berhormat Ketua Menteri kami kepada Perdana Menteri. Inilah dua persoalan yang telah diungkit-ungkit dalam beberapa bulan ini oleh Wakil dari Kota Melaka.

Yang sebenarnya Kerajaan Negeri Sabah mempunyai komitmen, komitmen yang serius untuk membasmi kemiskinan. Perkara ini diketahui umum. Kita dengar dan kita pernah baca dalam suratkhbar bagaimana hampir tiap-tiap minggu ada sahaja orang-orang yang ditangkap kerana melakukan rasuah. Ini suatu komitmen. Kita tidak dapat menafikan rasuah itu wujud bukan sahaja di Sabah, bahkan juga di mana-mana negeri-negeri lain di Semenanjung. Kita terbaca dalam suratkhbar, kita pernah dengar orang bercerita sana sini berkenaan dengan corruption tetapi yang penting ialah komitmen bagi Kerajaan untuk mengambil tindakan membasmi rasuah dan ini telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah, tidak ada sesiapa yang boleh menafikan perkara ini.

Yang kedua, berkenaan dengan pengisytiharan harta Ketua Menteri Sabah. Perkara ini saya rasa tidak payah diungkit-ungkit oleh saudara dari Kota Melaka kerana pengisytiharan harta ini tidak seharusnya dibuat kepada beliau bahkan ini di antara Ketua Menteri

Sabah dan Perdana Menteri, tidak payah dipublish dalam suratkhbar bilakah Ketua Menteri kami mengisytiharkan hartanya dan harta-harta apa yang beliau sudah isytiharkan, tetapi memadailah Perdana Menteri sudah dimaklumkan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Boleh beri jalan?

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Saya mahu berucap, saya tidak mahu diganggu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila duduk!

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Bagi pendapat saya tuduhan seumpama ini mempunyai motif yang tidak sihat, yang tidak baik dan bagi pendapat saya ini adalah ekoran daripada balas dendam saudara dari Kota Melaka.

Bagi pendapat saya adalah tidak salah bagi Ketua Menteri Sabah menghalang para penghasut-penghasut dan mereka yang ingin memecahbelahkan perpaduan rakyat dan tindakan ini telah diambil oleh Ketua Menteri Sabah untuk memelihara kepentingan rakyat Malaysia di Sabah. Oleh hal yang demikian, beliau yang mengeluarkan hujah-hujahnya tadi di Dewan yang mulia ini hanyalah melepaskan frustrasi beliau semata-mata kerana tidak ada lagi media bagi beliau untuk mengeluarkan pendapat-pendapatnya dan tidak ingin melihat Kerajaan Negeri Sabah yang begitu berjaya sekali membantu rakyat.

Bagi pendapat saya, politician seperti saudara dari Kota Melaka ini adalah merupakan suatu politician yang tidak ingin melihat sesuatu itu berjaya. Bahkan beliau ingin melihat sesiapa juga yang constructive

itu musnah dan tersungkur di dalam alam kehinaan. Politician seumpama ini, saya rasa, tidak harus mendapat tempat di negara kita Malaysia yang kita cintai.

Beralih kepada tajuk yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, Menteri Pelajaran telah diberi peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$971 juta untuk tahun 1985. Tujuan peruntukan yang sederhana jumlahnya ialah menyediakan peluang dan kemudahan pelajaran untuk melahirkan rakyat yang berdisiplin, terlatih dan berpendidikan.

Dasar Pelajaran Kebangsaan telah diterima dengan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia di Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sabah. Ini dapat dilihat bagaimana Kerajaan Negeri Sabah mengambil berat tentang pelaksanaan Dasar Pelajaran supaya ianya mendapat kejayaan yang dapat dibanggakan bersama.

Tetapi setelah diteliti telah didapati beberapa perkara yang membimbangkan, antara perkara-perkara itu termasuklah seperti berikut:

- (1) Tahap prestasi pelajaran di Sabah adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pencapaian pelajaran di lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia.
- (2) Kebanyakan guru-guru tidak mempunyai ijazah dan di peringkat sekolah rendah kebanyakan guru-guru tidak mempunyai kelayakan untuk menjadi guru.
- (3) Kekurangan kemudahan-kemudahan untuk sekolah-sekolah misalnya kekurangan bangunan-bangunan sekolah dan asrama-asrama.

- (4) Kekurangan program latihan untuk guru-guru yang sedang berkhidmat.
- (5) Bilangan pelatih-pelatih tempatan dari Sabah untuk mendapat latihan di Maktab-maktab Perguruan dan bilangan guru-guru tempatan lulusan universiti sangat kecil untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan guru.
- (6) Kebanyakan guru-guru tidak mahir dalam menggunakan Bahasa Malaysia dan Inggeris.
- (7) Pentadbiran yang terlalu sangat dipusatkan di peringkat ibu pejabat iaitu Kota Kinabalu.
- (8) Banyak bangunan-bangunan sekolah yang tidak mendapat jajaan yang sempurna.
- (9) Kekurangan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berlatar belakangkan masalah-masalah ini tadi, maka Kerajaan Negeri Sabah telah mengemukakan satu memorandum yang bertajuk "Pelajaran di Sabah" dan ini telah disampaikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Memorandum berkenaan mengandungi cadangan-cadangan yang tulus dan ikhlas bertujuan agar tercapainya cita-cita dan objektif-objektif Dasar Pelajaran Kebangsaan Malaysia di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum, Sabah adalah satu negeri yang sangat mundur. Oleh itu bantuan-bantuan dalam segala aspek dari pihak Persekutuan sangat dialu-alukan. Sejajar dengan itu diharapkan Kementerian Pelajaran Malaysia akan mengambil perhatian yang khusus untuk mengatasi segala masalah yang berkaitan dengan pelajaran di Sabah.

Semenjak 20 tahun yang lalu bilamana Sabah merdeka menerusi Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan \$1,853 juta untuk pelajaran di Sabah, tetapi hasilnya adalah mengecewakan jika ditinjau daripada kadar kelulusan peperiksaan-peperiksaan yang penting. Misalnya, kadar kelulusan SPM di Sabah pada tahun 1983 hanyalah 51.9%, manakala purata kadar kelulusan di seluruh Malaysia ialah 66.4% dan 71.7% untuk Perlis iaitu keputusan yang terbaik sekali di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan sedikit tentang keputusan-keputusan peperiksaan-peperiksaan penting di Sabah. Perangkaan-perangkaan yang saya kutip membayangkan suatu gejala yang amat memeranjatkan kita:

1. *Ujian Kelayakan Darjah 5:*

Kadar kelulusan untuk sekolah-sekolah luar bandar di Sabah untuk Ujian Kelayakan Darjah 5 ialah 10.8% pada tahun 1978 dan pada tahun 1983, 60%. Pada tahun 1983 seramai 19,421 murid-murid gagal daripada jumlah 23,954 murid. Kalau tidak dikuatkuasakan dasar kenaikan darjah secara otomatis, maka Negeri Sabah terpaksa menanggung kira-kira 24,000 murid-murid yang tercicir dari persekolahan.

2. *Keputusan Untuk SRP:*

Pada tahun 1973 bilamana Sabah pertama kalinya mengikut LCE kadar kelulusan hanyalah 35.5% dan pada tahun 1983 telah dicatitkan kelulusan untuk SRP ialah 52.1%. Semenjak tahun 1974, 84,758 telah gagal SRP di Sabah dan pada tahun 1983, 8,125 pelajar-pelajar gagal dan 6,100 mendapat Pangkat "C" yang lazimnya tidak boleh naik pangkat ke Tingkatan IV. Ini bermakna tiap-tiap tahun di

Sabah lebih daripada 50% mereka yang mengikuti peperiksaan SRP gagal. Mereka yang tercicir di peringkat SRP yang begitu ramai akan menjadi satu masalah di Sabah.

3. Keputusan Untuk SPM:

Pada tahun 1978 kadar kelulusan di Sabah ialah 34% dan kadar kelulusan naik sedikit pada tahun 1983 iaitu 51.9% tetapi kadar kelulusan pada tahun 1983 masih jauh di bawah kadar kelulusan purata di Semenanjung iaitu 68.4%. Semenjak tahun 1971 hingga 1983 daripada 52,138 pelajar-pelajar SPM 29,280 gagal dalam peperiksaan-peperiksaan SPM.

4. Keputusan Untuk STPM:

Kadar kelulusan bagi peperiksaan STPM untuk 1981 ialah 32% kadar kelulusan untuk tahun 1983 tidak dapat diambilkira kerana seseorang calon itu boleh mendapat sijil walaupun hanya lulus satu mata pelajaran. Tetapi apa yang mengecewakan ialah bilangan calon-calon yang boleh melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Universiti. Misalnya untuk STPM tahun 1982 daripada jumlah 382 calon yang mengambil peperiksaan, hanya 15 orang sahaja yang lulus dengan 3 Principal dan 262 lulus dengan hanya mempunyai satu mata pelajaran Principal.

Kajian yang dibuat menunjukkan daripada tahun 1971 hingga 1983 sejumlah 135,884 telah tercicir daripada Tingkatan I hingga Tingkatan III di Sabah. Adalah difikirkan hampir-hampir 75% daripada mereka yang ditimpa kegagalan adalah daripada luar bandar. Mereka yang gagal akan menjadi satu punca masalah bagi Kerajaan. Mereka akan mencari

pekerjaan di bandar-bandar akan tetapi mereka ini bukanlah golongan yang mempunyai pengalaman dan kelulusan yang sesuai untuk pekerjaan-pekerjaan di bandar. Selalunya kebanyakan mereka menetap di kawasan-kawasan setingan dan ini pasti memberi kesulitan kepada pihak-pihak yang berkuasa di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebenarnya, apakah sebabnya kadar kelulusan peperiksaan-peperiksaan di Sabah amat mengecewakan walaupun Kementerian Pelajaran telah membelanjakan \$1,853 juta untuk pelajaran di Sabah, sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (1) Kekurangan guru-guru berijazah yang terlatih. Pada masa ini iaitu tahun 1984 Sabah masih kekurangan 670 guru-guru berijazah yang terlatih untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah. Di peringkat sekolah-sekolah rendah hanya 29% daripada guru-guru mempunyai kelayakan minima untuk mengajar akan tetapi mereka terpaksa mengajar kerana ketiadaan tenaga pengajar di Sabah. Di peringkat sekolah-sekolah menengah hanya 15% daripada guru-guru mempunyai ijazah daripada universiti-universiti daripada jumlah 398 guru-guru yang mempunyai ijazah 290 datang daripada Semenanjung Malaysia. Pada masa ini Sabah terlalu sangat tergantung kepada bekalan guru-guru yang terlatih daripada Semenanjung Malaysia.
- (2) Kekurangan bangunan-bangunan sekolah-sekolah rendah. Kajian yang dijalankan menunjukkan kanak-kanak yang berumur di antara 1 hingga 6 tahun umurnya pada tahun

1984 boleh diterima masuk ke sekolah-sekolah rendah kesemuanya. Ini menunjukkan bilangan sekolah-sekolah rendah cukup di Sabah. Yang menjadi masalah di Sabah ialah bangunan-bangunan sekolah di luar bandar yang sudah dalam keadaan daif dan usang. Ada bangunan-bangunan sekolah yang diperbuat daripada buluh dan atap. Sekolah-sekolah ini tidak dapat digunakan pada musim hujan. Sekolah-sekolah rendah di pinggir-pinggir bandar adalah terlalu sesak kerana terlalu ramai murid-murid yang berhijrah daripada luar bandar.

Untuk pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, di sini ada beberapa gambar yang menunjukkan sekolah-sekolah yang dalam keadaan buruk dan saya boleh serahkan gambar-gambar ini kepada Tuan Yang di-Pertua, jika diperlukan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Majalah apa itu?

Tuan Hassan alban bin Haji Sandukong: Sekolah-sekolah di Sabah.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Majalah apa?

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Ini bukan Majalah, gambar yang kita ambil dan sebenarnya ini merupakan salah satu naskah yang saya terima daripada Kerajaan Negeri berkenaan dengan "Education in Sabah" saya sebutkan tadi di sini ada gambar-gambar menunjukkan sekolah-sekolah yang tidak boleh dianggap sebagai sekolah ada kalanya di sini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Bolehkah Yang Berhormat serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran?

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Ya, insya Allah.

(3) Kekurangan sekolah-sekolah menengah. Pada tahun 1985 Kerajaan terpaksa memberi tempat belajar kepada 22,800 pelajar untuk tingkatan satu, malangnya Sabah hanya mempunyai 97 sekolah menengah dan daripada jumlah itu hanya 78 sekolah menengah yang mempunyai bangunan sendiri. 19 buah sekolah menengah tidak mempunyai bangunan tetapi hanya menumpang di bangunan-bangunan lain. Ini pasti menjadi masalah. Adalah dianggarkan pada tahun 1985 Sabah memerlukan tambahan 30 buah sekolah menengah dan tambahan 49 buah bangunan sekolah untuk sekolah menengah.

(4) Kekurangan sekolah vokasional. Sabah mempunyai 5 sekolah vokasional dan tiap-tiap tahun kesemua sekolah itu hanya dapat menampung 782 calon pada tahun 1983; pada tahun 1983 3,252 peserta telah memohon untuk memasuki sekolah vokasional tetapi hanya 782 yang mendapat tempat, yang lain terpaksa ditolak. Adalah dianggarkan Sabah masih memerlukan sekurang-kurangnya 15 buah sekolah vokasional yang boleh menampung keperluan lebih kurang 6,000 peserta tiap-tiap tahun. Kursus-kursus yang diberikan adalah kursus memakan masa 6 hingga 12 bulan kerana pada masa ini Sabah memerlukan tenaga-tenaga mahir seperti wiremen, mekanik, tukang kayu dan sebagainya.

- (5) Kekurangan kemudahan-kemudahan untuk sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah di luar bandar Sabah sangat-sangat kekurangan kemudahan-kemudahan dan alat kelengkapan sains dan alat-alat sukan. Hampir semua makmal sains di sekolah Sabah tidak mempunyai alat-alat yang cukup.
- (6) Kekurangan meja dan kerusi. Ada sekolah-sekolah rendah di luar bandar tidak mempunyai meja dan kerusi yang cukup untuk murid-murid belajar.
- (7) Kekurangan buku-buku teks. Ada dua masalah yang timbul daripada buku-buku teks ini, pertama buku-buku teks yang dihantar ke Sabah tidak mencukupi untuk menampung keperluan; yang kedua, ialah buku-buku teks yang datang lambat. Misalnya, kalau sekolah itu mula pada bulan Januari, buku-buku teks hanya datang pada bulan Mei atau Julai. Skim pinjaman buku teks untuk sekolah-sekolah menengah adalah jauh daripada mencukupi.
- (8) Kekurangan libraries. Kebanyakan sekolah-sekolah luar bandar tidak mempunyai perpustakaan yang lengkap atau ada kalanya sekolah tidak mempunyai perpustakaan langsung.
- (9) Kekurangan rumah untuk guru-guru. Ketiadaan atau kekurangan rumah untuk guru-guru adalah di antara sebab-sebab yang menghalang guru-guru untuk menerima pertukaran berkhidmat di luar bandar. Kadang kala guru-guru terpaksa mendirikan rumah-rumah haram asalkan dapat berada berdekatan dengan sekolah di mana mereka mengajar. Keadaan ini telah melemahkan semangat guru-guru berkhidmat dengan cemerlang untuk penduduk-penduduk di luar bandar Sabah.
- (10) Kekurangan asrama. Sabah hanya mempunyai 15 sekolah rendah kerajaan yang mempunyai asrama yang dapat menampung 1,050 pelajar. 80% sekolah-sekolah rendah tidak dapat dihubungi dengan jalan raya dan ini bermakna kebanyakan kanak-kanak sekolah di luar bandar Sabah terpaksa berjalan kaki purata 2 jam untuk sampai ke sekolah-sekolah mereka. Untuk sekolah menengah pula asrama tidak cukup menampung keperluan pelajar-pelajar daripada luar bandar. Mereka dari luar bandar terpaksa ke bandar kerana 95% sekolah menengah terletak di bandar-bandar besar Sabah. Oleh itu kebanyakan pelajar-pelajar itu terpaksa berhenti sekolah kerana tidak ada tempat tinggal dan ada di antara mereka terpaksa berhenti sekolah kerana sekarang ini Jabatan Pelajaran Sabah mewajibkan tiap-tiap murid di asrama membayar \$45 sebulan.
- (11) Bangunan-bangunan dan kawasan-kawasan sekolah yang tidak terpelihara. Semenjak tahun 1983 boleh dikatakan tidak ada peruntukan atau peruntukan itu tidak mencukupi untuk memelihara bangunan-bangunan sekolah di Sabah. Kalau mengikut angka yang dibuat oleh JKR Sabah daripada tahun 1982 sehingga tahun 1984 seharusnya Sabah diperuntukkan \$40 juta untuk memelihara bangunan-bangunan sekolah akan tetapi

Jabatan Pelajaran hanya memperuntukkan \$8 juta untuk tujuan itu. Ini menjadikan bangunan-bangunan dan kawasan-kawasan sekolah dalam keadaan tidak baik.

- (12) Kebersihan tidak memuaskan. Ada sekolah-sekolah di Sabah tidak mempunyai tandas langsung, ada di antaranya mempunyai tandas tetapi tandas adalah dalam keadaan terlalu kotor dan busuk. Kebanyakan sekolah luar bandar tidak mempunyai bekalan air langsung.
- (13) Perjalanan pentadbiran yang tidak licin. Jabatan Pelajaran Sabah terlalu mengamalkan dasar pemusatan pentadbiran di Kota Kinabalu misalnya bil telefon, elektrik dan air tidak boleh dijelaskan di peringkat sekolah tetapi ia mesti diselesaikan oleh Ibupejabat di Kota Kinabalu. Di daerah-daerah Pegawai Pelajaran tidak dibenarkan membuat jadual lawatan penyelia-penyelia sekolah dan jadual lawatan mesti disusun oleh Ibupejabat. Amalan ini hanya dibuat oleh Jabatan Pelajaran Sabah tetapi di negeri-negeri lain di Malaysia tidak melaksanakan dasar seumpama itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, panjang lagikah hendak bercakap bab pelajaran?

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Banyak, kerana ini adalah

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat boleh bercakap perkara detail itu dalam masa kita berbincang dalam Jawatankuasa. Sekarang ini Ahli Yang Berhormat boleh bercakap atas dasar, boleh sebut banyak

perkara dasar. Perkara detail itu Ahli Yang Berhormat boleh bercakap lagi semasa kita membahaskan peruntukan untuk Kementerian Pelajaran.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tetapi saya hanya ada 5 lembar lagi, tak banyak.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya, boleh.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Baru setengah jam saya berucap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya faham, maksud Ahli Yang Berhormat boleh bercakap atas banyak tajuk, bukan pelajaran sahaja, kalau mahu bercakap mengenai detail boleh bercakap dalam masa Jawatankuasa. Sila.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Terima Kasih.

- (14) Bantuan kewangan untuk bangunan-bangunan sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Di masa-masa yang lalu Kementerian Pelajaran sanggup membiayai 50% daripada perbelanjaan mendirikan bangunan-bangunan sekolah jenis kebangsaan yang baru; sekarang ini Kerajaan hanya mengeluarkan 10% daripada peruntukan yang diperlukan.
- (15) Kekurangan penyeliaan dan pengawalan sekolah-sekolah. Oleh sebab guru-guru yang berkhidmat di luar bandar tidak mempunyai kelayakan yang sesuai maka wajiblih pengawasan dibuat oleh Ibupejabat supaya pelajaran tidak terjejas.
- (16) Rancangan latihan dan program menaikkan taraf akademik guru-guru. Guru-guru yang tidak terlatih yang sudah berkhidmat 2 tahun dengan Kerajaan mestilah diberi latihan

dalam perkhidmatan untuk meninggikan mutu pengajaran mereka, Adalah juga dicadangkan guru-guru sandaran daripada luar bandar yang sudah berkhidmat sekurang-kurangnya 4 tahun bolehlah diterima di maktab-maktab perguruan di Sabah. Dengan cara melonggarkan syarat-syarat kemasukan ke kolej-kolej, mereka yang cuma ada kelayakan SRP dalam hal ini boleh diterima masuk ke kolej-kolej.

- (17) Guru-guru UTS. Sudah banyak yang telah diperkatakan tentang guru-guru UTS, memadai kalau saya katakan di sini sehingga sekarang sudah ada 8 surat petisyen yang telah dikemukakan oleh pihak yang tertentu kepada Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri memang mengambil berat tentang keadaan pelajaran di Sabah. Maka dengan itu Kerajaan melalui Yayasan Sabah telah membelanjakan daripada tahun 1968 sehingga 1983, \$66.23 juta untuk biasiswa dan pinjaman bagi seramai 25,900 pelajar.

Di samping itu Yayasan Sabah telah juga mendirikan asrama-asrama di Sabah dan sebuah asrama di Universiti Malaya. Yayasan Sabah telah juga memberi bantuan ke atas mendirikan kampus Y.S. I.T.M. dan kampus Universiti Kebangsaan cawangan Sabah. Sebuah sekolah berasrama penuh akan dibina di Labuan oleh Yayasan Sabah. Dan sekolah ini boleh menampung seramai 1,200 pelajar-pelajar. Yayasan Sabah telah juga mengendalikan beberapa projek-projek pelajaran yang difikirkan berfaedah kepada rakyat. Pada tahun 1983, satu pusat pembangunan kanak-kanak telah didirikan di Kota Kinabalu. Pusat ini juga melatih guru-guru untuk Tadika hingga ke

peringkat diploma. Yayasan Sabah juga membelanjakan \$15 juta untuk program susu di sekolah-sekolah. Di samping itu Yayasan Sabah juga memberi pakaian seragam, alat-alat tulis secara percuma kepada seramai 257,000 pelajar-pelajar di Sabah. Setakat ini Sabah sudah membelanjakan \$150 juta untuk pelajaran di Sabah. Dan ini menunjukkan suatu sumbangan tulus dan ikhlas oleh Yayasan Sabah untuk Kementerian Pelajaran demi untuk meninggikan taraf pelajaran di Sabah. Untuk itu adalah difikirkan lebih munasabah sekiranya Kementerian mengambil alih pelaksanaan program-program pelajaran yang selama ini dikendali oleh Sabah. Sebagai merumuskan, saya perturunkan di bawah ini beberapa perakuan-perakuan untuk diberi pertimbangan dan kelulusan oleh Kementerian Pelajaran.

- (1) mengisi kekosongan jawatan-jawatan guru-guru yang berijazah dan terlatih yang berjumlah 670 jawatan sama ada melalui perlantikan baru atau melalui pertukaran.
- (2) Melonggarkan keperluan kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk tujuan pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat.
- (3) Melonggarkan syarat-syarat kemasukan ke maktab-maktab perguruan tempatan daripada lima kepujian kepada dua kepujian dengan hanya lulus Bahasa Malaysia dan khusus untuk calon-calon tempatan Sabah.
- (4) Melonggarkan syarat-syarat latihan dalam perkhidmatan daripada enam tahun kepada dua tahun dan seterusnya menambah bilangan kursus-kursus yang diadakan supaya lebih banyak guru-guru sekolah rendah dapat dilatih.

- (5) Mengesahkan dalam jawatan dengan serta-merta bekas guru-guru U.T.S. seramai 1,463 tanpa syarat.
- (6) Menaikkan taraf jawatan guru-guru besar U.T.S.
- (7) Mengurangkan kekerapan pertukaran guru-guru besar dalam Sabah.
- (8) Membayar elaun penempatan khas kepada guru-guru tempatan Sabah dan memberi dengan izin, outstation allowance kepada guru-guru yang berkhidmat di kawasan-kawasan terpencil.
- (9) Syarat pendapatan \$500.00 hendaklah dinaikkan kepada \$700.00 untuk mendapat bantuan pinjaman buku-buku teks.
- (10) Menubuhkan tabung khas biasiswa untuk melatih 150 guru tiap-tiap tahun.
- (11) Menggiatkan lagi pengawalan ke atas sekolah-sekolah di luar bandar dan melantik tiga penyelia untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebagai tambahan.
- (12) Menaikkan taraf semua jawatan-jawatan pegawai pelajaran dan semua jawatan-jawatan penyelia di Sabah supaya setaraf dengan rakan-rakan sejawat mereka di Semenanjung.
- (13) Menambah kelas-kelas Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- (14) Memberi lebih bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan supaya sekolah-sekolah ini dapat menambah bilangan kelas-kelas mereka.
- (15) Mempelawa Lembaga Penyiasat dan Jawatankuasa Pelajaran Yayasan Sabah untuk bekerja rapat dengan Jabatan Pelajaran Sabah dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan.
- (16) Memberi pengiktirafan kepada guru-guru yang terlatih di Indonesia, Bangladesh, Pakistan, India, Filipina, Sri Langka dan Taiwan.
- (17) Kementerian Pelajaran mengambil alih Program susu Yayasan Sabah.
- (18) Melantik seorang Librarian, dengan izin, untuk tiap-tiap satu sekolah.
- (19) Melengkapkan semua sekolah-sekolah luar bandar dengan tandas-tandas yang baik dan juga melengkapkan sekolah-sekolah ini dengan meja-meja, kerusi-kerusi, buku-buku rujukan, alat-alat sukan dan alat-alat kelengkapan sains dengan secukupnya.
- (20) Mendirikan lebih banyak rumah guru-guru.
- (21) Membina lebih banyak sekolah-sekolah berasrama.
- (22) Membina 80 lagi sekolah-sekolah rendah dan 44 sekolah menengah.
- (23) Menubuhkan tabung biasiswa untuk pelajar-pelajar luar bandar yang duduk di asrama-asrama.
- (24) Membina 15 lagi sekolah vokasional dan sekolah teknik dan juga membina sebuah kolej politeknik di Sabah.
- (25) Menyemak semula skim gaji perkhidmatan guru-guru supaya lebih ramai tertarik dengan profession perguruan.

Untuk mengakhiri, adalah diharapkan segala syor-syor yang saya utarakan di Dewan yang mulia ini akan mendapat simpati dan perhatian sewajarnya kerana kita semua ingin melihat Dasar Pelajaran Kebangsaan kita berjaya di bumi Sabah, Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Kimanis.

5.37 ptg.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, selaku seorang Ahli Dewan dari Negeri Sabah yang juga pernah bertugas dalam pentadbiran Pusat, saya memberi sokongan kepada anggaran Perbelanjaan 1985 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan dua perasaan iaitu perasaan suka dan duka.

Saya sukacita kerana dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia, negara kita telah dapat bertahan tidak banyak tergugat dari keadaan tersebut. Saya merasa dukacita kerana sedikit sebanyak keadaan ini telah menyebabkan beberapa projek pembangunan terpaksa ditunda atau tidak ditida yang mana ini telah menimbulkan banyak persoalan dan kurang selesa dari rakyat. Di kampung-kampung di mana projek-projek kecil walaupun kecil tetapi penting juga turut terjejas. Pembinaan bekalan-bekalan air dan api elektrik yang masih diperlukan di luar-luar bandar khususnya di negeri Sabah adalah projek pembangunan rakyat yang harus diambil perhatian khusus oleh Kerajaan. Begitu juga projek-projek yang boleh menambahkan pendapatan rakyat haruslah diteliti dan diutamakan.

Ini saya utarakan kerana di Sabah walaupun Kerajaan Negeri mengatakan kekurangan wang sebagai

alasan tidak menunaikan projek-projek rakyat tetapi pembinaan bangunan-bangunan yang besar yang mahal masih berjalan dengan rancaknya. Antaranya ialah pembinaan Muzium Sabah di Kota Kinabalu yang menelan belanja lebih dari \$30 juta yang mana pada masa ini telah pun siap. Pembinaan Muzium yang saya kira lebih cantik dan mungkin lebih mahal dari Muzium Negara di Kuala Lumpur ini bukanlah langsung tidak boleh dibina tetapi keutamaan hendaklah terlebih dahulu diberikan kepada projek-projek yang diperlukan oleh rakyat seperti bekalan air, bekalan api elektrik, jalan raya dan sebagainya.

Di masa saya bertugas sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah, sebenarnya sudah ada satu muzium yang baharu di Kota Kinabalu yang siap pembinaannya kira-kira dalam tahun 1979, kalau saya tidak silap. Apakah perlunya untuk membina lagi sebuah muzium yang menggunakan wang rakyat berpuluh-puluh juta ringgit. Kerajaan Sabah juga membina atau memperbaiki padang-padang gol yang berharga berjuta-juta ringgit. Sepatutnya wang yang berpuluh-puluh juta ringgit itu seharusnya digunakan membina kemudahan-kemudahan yang sangat diperlukan oleh rakyat termasuklah projek-projek yang mendatangkan faedah langsung (direct benefit) kepada rakyat seperti menambahkan pendapatan mereka yang miskin dan serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini kerana ada hubungannya dengan keadaan ekonomi negara kita yang dikatakan merosot dan peranan Kuala Lumpur dalam meluluskan projek-projek di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia yang ada sekarang ini. Begitu juga Kuala Lumpur mempunyai peranan untuk menjadi penjamin kiranya Kerajaan Negeri

hendak berhutang untuk projek-projek di negeri Sabah. Saya menyarankan Kerajaan Pusat hendaklah berhati-hati dan meneliti secara terperinci perancangan dan perjalanan projek-projek pembangunan di Sabah.

Kita semua tahu, setiap sen yang dibelanjakan oleh Kerajaan adalah wang rakyat dan ianya hendaklah digunakan secara maksima untuk kepentingan rakyat. Setiap sen yang dibelanjakan hendaklah benar-benar sampai kepada rakyat dan selaras dengan kehendak pembangunan negara kita. Kalau tidak, saya bimbang matlamat dan dasar pembangunan negara tidak akan tercapai sepenuhnya dan ini boleh mengakibatkan pembangunan yang tidak seimbang yang boleh mengecewakan rakyat Malaysia di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebutkan projek-projek yang diperlukan oleh rakyat teringatlah saya akan keadaan jalan-jalan raya di negeri saya sendiri Sabah yang amat mengecewakan. Keadaan jalan-jalanraya di Sabah amatlah menyedihkan. Apabila saya melawat ke Sandakan dengan menggunakan jalanraya baharu-baharu ini, saya amat terperanjat melihat keadaan jalanraya yang begitu rosak terutama antara Ranau dan Sandakan. Keadaan jalan ini seolah-olah telah bertahun-tahun lamanya tidak pernah diperbaiki. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat yang berkenaan kerana mungkin beliau belum pernah melalui jalan tersebut. Seperti yang telah diberitakan dalam surat-surat khabar baharu-baharu ini 4 orang telah mati akibat kenderaan mereka terhumban ke bawah kerana lubang-lubang dan batu-batu yang besar-besar yang terdapat di sepanjang jalan itu.

Saya berpendapat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat haruslah menyelidiki keadaan itu dan keadaan

jalan ini dan satu tindakan yang segera dan berkesan hendaklah diambil untuk memperbaikinya. Ini perlu kerana jalan ini digunakan oleh ratusan kenderaan pada tiap-tiap hari termasuklah lori-lori yang membawa barang-barang bekalan dan juga bas-bas penumpang yang berulang alik antara Kota Kinabalu dan Sandakan dan termasuklah kenderaan-kenderaan yang menuju ke pekan-pekan lain seperti Lahad Datu, Semporna dan Tawau. Oleh itu, saya minta supaya Kementerian yang berkenaan hendaklah dengan serta-merta bertindak wajar memperbaiki jalan tersebut.

Keadaan jalan-jalanraya yang lain di Sabah khususnya di luar-luar bandar juga berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Ini termasuklah jalanraya antara pekan Beafort ke pekan Kuala Penyu dan pekan Menumbok yang juga belum dibubuh tar dan berlubang-lubang sudah bertahun-tahun lamanya. Jalanraya ini sudah begitu lama wujud dan saya minta supaya ianya dibubuhkan tar seberapa segera yang boleh.

Saya juga telah meninjau di beberapa kampung di Sabah dan mendapati banyak jalan-jalan yang rosak seolah-olah tidak dipedulikan langsung. Saya menyuarakan perkara ini kerana selaku pemimpin dan Wakil Rakyat, saya telah menerima pengaduan dan sungutan rakyat mengenai perkara ini. Maka itu amat perlu bagi pihak yang berkuasa mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara ini. Saya harap pihak yang berkuasa di Sabah khususnya janganlah menunggu dahulu dekat pilihanraya baharulah bertindak. Perkara-perkara seumpama ini yang mengakibatkan atau yang berhubung dengan kehidupan rakyat harus diambil perhatian dan diperbaiki seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pembentangan Belanjawan ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Saya berpendapat dasar ini perlu diteruskan selepas 1990 sama ada target 30% penyertaan bumiputera itu tercapai atau tidak. Ini memandangkan bahawa Dasar Ekonomi Baru itu adalah merupakan satu usaha Kerajaan yang positif dalam menyeimbangkan pendapatan rakyat dan pembangunan ekonomi negara antara kaum yang berada dengan yang miskin.

Mungkin bagi mereka yang tidak faham atau tidak jujur tentulah barangkali akan menuduh dasar ini pilih kasih atau tidak baik, tetapi bagi saya dasar apakah lagi yang lebih baik selain dari dasar yang bertujuan merapatkan jurang perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin. Setiap kepercayaan atau agama mengajar pengikutnya supaya menolong mereka yang miskin atau yang susah, maka itu tindakan Kerajaan untuk membantu bumiputera yang miskin supaya tidak ketinggalan dari saudara-saudara senegara yang lain. Adalah wajar dan berpatutan, bertepatan untuk mengelakkan suatu keadaan yang tidak puas hati di kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Jika negara ini mengamalkan konsep dengan izin, *the survival of the fittest*, ini adalah akan mewujudkan pembangunan yang tidak seimbang dan tidak adil yang sangat merbahaya.

Oleh itu saya menekankan agar Kerajaan bersikap tegas untuk memastikan mana-mana kaum yang lemah atau miskin dibantu supaya tidak akan tercicir dalam kepesatan arus pembangunan negara kita ini. Maka itu saya berharap sekali lagi agar Kerajaan jangan bertolak ansur untuk meneruskan rancangan ini kerana di negara kita ini kebanyakan rakyat kita terutama mereka yang tinggal di luar-luar bandar adalah masih jauh

ketinggalan dan memerlukan pembelaan yang khusus supaya tidak ketinggalan dari yang lain.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang kenaikan harga barang-barang yang kian meningkat dengan cepatnya di negara ini, khasnya di negeri Sabah. Nilai wang ringgit negara dari segi "real value", dengan izin, telah menurun dengan cepatnya sehingga mereka yang berpendapatan \$500 ke bawah merasa amat susah untuk menyara hidup keluarga.

Dalam bidang perniagaan pula, lesen-lesen juga telah dinaikkan dan akibatnya telah dirasai oleh mereka yang berkenaan. Ada di kalangan peniaga-peniaga terutama sekali peniaga-peniaga kecil telah terjejas perniagaan mereka dan keluhan mereka ini dapat kita dengar di sana sini.

Saya minta Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya menjalankan kajian yang terperinci tentang kenaikan harga barang-barang di Sabah serta juga kenaikan lesen-lesen berniaga di Sabah. Ini amat perlu supaya suatu tindakan yang berkesan boleh diambil untuk mengurangkan bebanan rakyat yang berkenaan.

Kajian ini juga harus meliputi kemungkinan membawa masuk semua barang-barang yang diimport dari negara-negara Timur seperti Jepun, Korea, Taiwan, Hongkong dan sebagainya yang lebih dekat dengan Sabah diangkut terus ke Pelabuhan Kota Kinabalu daripada membawa barang-barang tersebut melalui pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung atau Singapura yang kemudiannya dipunggah dan diangkut balik mengikut laluan yang sama ke Kota Kinabalu di Sabah. Cara pengangkutan barangan yang berulang-alik ini merugikan rakyat kerana pengguna terpaksa

menanggung belanja pengangkutan yang tinggi. Oleh itu perjalanan pengangkutan ini harus dipendekkan dengan membawa barang-barang tersebut terus sahaja ke Pelabuhan Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain yang saya mohon juga disiasat dengan terperinci di sini dari Kementerian Pelajaran ialah keadaan sekolah-sekolah di Sabah yang mana bukan sahaja dalam keadaan yang buruk tetapi juga kemudahan-kemudahan (facilities) yang berkaitan dengan pelajaran amatlah berkurangan. Inilah barangkali sebabnya kenapa murid-murid sekolah di luar-luar bandar selalunya ketinggalan kerana tidak ada kemudahan-kemudahan yang cukup diberi kepada mereka seperti yang terdapat di bandar-bandar, termasuklah khutub-khanah, buku-buku yang sesuai dan lain-lain kemudahan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, penderitaan, kesulitan atau masalah rakyat Malaysia di Sabah memang banyak dan terlalu panjang hendak diceritakan di Dewan yang mulai ini, tetapi kerana Dewan ini adalah Dewan perundangan rakyat, saya inginlah menyentuh beberapa perkara yang melibatkan kepentingan rakyat di Sabah khasnya.

Sebuah persatuan sukarela yang diketuai oleh saya sendiri telah mengalami tekanan pihak-pihak tertentu di Sabah. Laporan telah saya terima bahawa persatuan ini tidak lagi dibenarkan menggunakan balai-balai raya, dewan masyarakat atau padang. Saya juga difahamkan berita mingguan persatuan ini terpaksa ditangguhkan pengeluarannya kerana kedai atau gedung-gedung pencetak di Sabah tidak mahu mencetak berita berkenaan kerana takut lesen tempat mereka berniaga atau mencetak dibatalkan oleh pihak yang berkuasa di negeri Sabah. Saya di sini meminta

Kementerian Dalam Negeri yang berkuasa mengeluarkan lesen-lesen percetakan

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Saya minta jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat itu minta jalan.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Adakah Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang cukup bahawasanya penekanan itu dibuat secara rasmi bertulis atau cuma satu berita angin sahaja yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini?

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi saya menerima laporan dan ini akan saya siasat, tetapi selain daripada itu tadi saya ada minta supaya Kementerian menyiasat perkara ini.

Saya di sini meminta Kementerian Dalam Negeri yang berkuasa mengeluarkan lesen-lesen percetakan supaya menyiasat perkara ini dengan seberapa segera untuk menentukan benar atau tidaknya. Saya minta Kementerian berkenaan membuat kenyataan awam mengenai perkara ini supaya dapat menghilangkan keraguan pencetak-pencetak di negeri Sabah kerana kalau penindasan seperti ini walau dalam apa bentuk atau caranya sekalipun dibenarkan atau dibiarkan, saya khawatir ini akan menghancurkan demokrasi di negeri Sabah. Kalau di masa pilihanraya nanti parti-parti Pembangkang tidak berpeluang untuk mencetak risalah-risalah atau poster-poster mereka di negeri itu sendiri atas sebab yang telah

saya sebutkan tadi, ini merupakan satu penindasan yang akan menjejaskan perjalanan pilihanraya dan akan menjejaskan perjalanan demokrasi di negara kita ini. Keadaan ini tentunya

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob (Hilir Padas): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat bangun ini atas apa?

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua, Minta jalan, baik.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Yang Berhormat dari Kimanis mahu menentukan sama ada percetakan poster-poster beliau akan dibolehkan, saya mencadangkan supaya beliau meletakkan jawatan dan pilihanraya di Kimanis kita akan adakan supaya kita tentukan sama percetakan poster-poster itu akan boleh diadakan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan minta penerangan. Sila teruskan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Itu bukan minta keterangan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta teruskan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Ya, kalau beliau tadi minta menunjukkan kekuatan, dissolve sahaja Dewan Undangan Negeri Sabah dan adakan pilihanraya umum, itu baru dia!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Keadaan ini tentunya menjejaskan hak dan kebebasan rakyat seperti yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan

Negara. Oleh itu amat penting bagi Kementerian memberi jaminan kepada rakyat bahawa setiap pencetak di Sabah bebas menjalankan urusan perniagaan mereka tanpa gangguan atau ugutan dari mana-mana pihak berkuasa, walaupun dalam apa bentuk, dalam apa cara sekalipun, bukan sahaja secara terang-terangan tetapi juga termasuk secara yang tidak terang-terangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lega mendengar pengumuman Menteri Dalam Negeri yang juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memberi kelonggaran terhadap ceramah-ceramah atau perhimpunan politik. Tindakan yang berani oleh Kerajaan ini harus dipuji kerana ianya sangat penting dalam proses demokrasi di negara kita. Saya juga berharap di masa Pilihanraya Umum Negeri di negeri Sabah nanti, rapat-rapat umum yang terbuka (*public rally*) hendaklah dibenarkan untuk membolehkan rakyat negeri Sabah mendengar hujah-hujah atau isu-isu politik yang dikemukakan oleh semua pihak atau parti-parti yang akan bertanding nanti. Saya rasa pihak berkuasa Polis adalah cekap dan mampu menjaga keselamatan rakyat walau dalam masa pilihanraya sekalipun. Oleh itu pihak parti yang saya pimpin, iaitu BERSEPADU meminta kebenaran berkempen dengan mengadakan rapat-rapat umum dibenarkan di Sabah menjelang pilihanraya umum nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan yang dibentangkan dalam Dewan ini tentunya amat penting bagi rakyat kerana kemajuan rakyat dan aktiviti-aktiviti ekonomi negara akan juga bergantung pada perbelanjaan yang akan dibelanjakan oleh Kerajaan pada tiap-tiap tahun. Saya kira Anggaran Belanjawan ini tentunya sudah diteliti perancangannya dengan rapi oleh agensi-agensi yang berkenaan. Apa yang penting

sekarang ialah pelaksanaan Belanjawan mengikut yang dicadangkan. Angka-angka perbelanjaan yang disebutkan dalam Belanjawan ini tentulah tidak bermakna kalau prestasi pencapaiannya tidak tepat dan tidak mengikut jadual yang ditentukan.

Dalam menyokong Belanjawan ini sukalah saya mengambil perhatian semua agensi-agensi pelaksanaan yang terlibat supaya menjalankan tugas dengan betul, penuh dedikasi dan mengikut masa yang ditentukan. Pengalaman telah melihatkan kepada kita kegagalan banyak projek-projek pembangunan adalah akibat dari kelalaian atau kecuaiian di peringkat pelaksanaan. Oleh itu perkara-perkara sedemikian hendaklah dielakkan agar setiap sen yang dibelanjakan itu benar-benar berhasil dan dinikmati oleh seluruh rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lambir.

6.04 ptg.

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan Persekutuan 1985 serta Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19hb Oktober, 1984 dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan serta membaca dan menyemak butir-butir lampiran dalam teks ucapan beliau, saya ingin memberi beberapa pandangan dan cadangan seperti berikut:

(a) *Cukai pendapatan Perseorangan—*

Saya mengalu-alukan cadangan untuk mengurangkan beban cukai

ke atas pembayar-pembayar cukai untuk mengelakkan daya pengeluaran, pelaburan dan simpanan di kalangan orang ramai. Adalah diperhatikan struktur cukai pendapatan baru memberi faedah yang besar kepada mereka yang berpendapatan "chargeable" lebih \$100,000 kerana kadar cukai maksima bagi mereka telah dikurangkan dengan 15%, iaitu daripada 55% ke 40%. Untuk mengadakan satu struktur cukai yang lebih "equitable" dan sebagai satu langkah yang lebih berkesan bagi mereka yang berpendapatan rendah dan menengah menyimpan wang, saya suka mencadangkan bahawa kadar cukai bagi kumpulan pendapatan yang kurang daripada \$2,500 sehingga \$20,000 harus dikurangkan dengan 1% masing-masing, iaitu dari kadar-kadar 5%, 8%, 12% dan 15% dikurangkan kepada 4%, 7%, 11% dan 14%. Tetapi, untuk menentukan bahawa kurangan satu peratus cukai tersebut akan disimpan, iaitu menjadi "compulsory savings", adalah dicadangkan bahawa caruman-caruman pihak pekerja kepada EPF harus dinaikkan dengan kadar yang sama, iaitu mengikut jumlah didapati daripada golongan cukai 1% tersebut. Dengan langkah tersebut, pekerja-pekerja akan mendapat lebih faedah dan ia juga akan menambah simpanan tempatan serta modal iaitu "domestic savings dan capital" yang boleh digunakan dalam pelaburan. Dengan kurangan cukai tersebut tambahan pula

dengan simpanan ia tetap akan menjadi satu dorongan dan insentif bagi mereka dalam golongan yang berpendapatan rendah dan pertengahan bawah atau "lower middle income group" untuk bekerja dengan lebih tekun lagi.

Misalnya bagi seorang eksekutif rendah, struktur cukai yang disyorkan tersebut akan mendorongnya bekerja pada masa luar biasa dan lebih bersungguh-sungguh oleh kerana cukai atas elaun kerja luar biasa dan "bonus" yang akan dimasukkan dalam cukai tahunannya akan dikurangkan. Ini bermakna gaji bersih atau "take-home pay" tetap adalah lebih menggalakkan. Maka secara langsung atau tidak langsung, struktur cukai yang dicadangkan tersebut tetap akan meningkatkan daya pengeluaran dan juga simpanan dalam negara kita.

(b) Perubahan kepada beberapa bayaran di bawah Ordinan Lalulintas—

Berhubung dengan kenaikan bayaran-bayaran ke atas pendaftaran, pindah milik dan cukai jalan kenderaan, saya berpendapat bahawa adalah tidak wajar untuk menaikkan bayaran-bayaran yang dikenakan atas motosikal berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (i) Motosikal adalah sejenis kenderaan yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah dan ia adalah sejenis pengangkutan yang mudah dan murah lagi pun perlu bagi mereka. Ada yang digunakan untuk mencari

nafkah, misalnya penjaan bergerak dengan motosikal.

- (ii) Harga sebuah motosikal baru adalah kira-kira 1/10 harga sebuah kereta 1,500 c.c. Maka adalah jelas bahawa adalah kurang adil jika bayaran pendaftaran dan tukar-milik sebuah motosikal di samakan dengan kenderaan bermotor yang tidak melebihi 1,500 c.c.
- (iii) Kadar cukai jalan bagi motosikal tidaklah seharusnya dinaikkan memandangkan kadar lama adalah kadar yang berpatutan.

Oleh yang demikian saya ingin mengsyorkan bahawa kadar lama bagi bayaran-bayaran tersebut di atas harus dikekalkan, iaitu "status quo".

(c) Menaikkan Duti Import ke atas Tayar—

Saya tetap menyokong dengan penuhnya bahawa kita harus memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tayar tempatan. Tetapi bukan semua jenis tayar adalah dibuat dalam negara kita. Misalnya terdapat beberapa jenis tayar traktor, implement dan jentolak besar yang tidak boleh didapati dari kilang tayar tempatan. Tayar-tayar yang digunakan oleh jentera berat atau heavy machinery kebanyakannya adalah untuk maksud kerja-kerja pembangunan, pertanian dan industri kehutanan. Selaras dengan dasar negara kita untuk menggalakkan pertumbuhan industri, saya suka mencadangkan bahawa duti import bagi jenis tayar-tayar tersebut yang tidak boleh

didapati di kilang tempatan tidak seharusnya dinaikkan, iaitu mengekalkan kadar lama.

(d) *Potongan cukai ke atas perbelanjaan bagi maksud kebersihan dan pengindahan—*

Cadangan untuk mengecualikan sumbangan wang yang diberi kepada Penguasa Tempatan bagi maksud kebersihan dan pengindahan adalah dialu-alukan. Dengan galakan atau insentif tersebut, maka kita berharap bahawa lebih ramai individu atau syarikat masing-masing akan memberi derma untuk Majlis-majlis Tempatan dan Perbandaran bagi maksud tersebut. Saya yakin bahawa galakan ini akan memudahkan kita mencapai matlamat mengadakan bandar-bandar dan kawasan-kawasan kediaman yang bersih dan indah.

(e) *Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan—*

Adalah diperhatikan bahawa bagi Belanjawan 1985, 74% adalah bagi Perbelanjaan Mengurus dan hanya 26% bagi Perbelanjaan Pembangunan. Dibandingkan dengan tahun ini, jumlah untuk perbelanjaan pembangunan telah pun turun 12%. Bagi Perbelanjaan Mengurus 1985, peruntukan bagi bayaran hutang negara merupakan 26% dan bayaran gaji 35%. Dari aspek dan analisa ekonomi, satu keadaan di mana 74% daripada Belanjawan Persekutuan adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan daripada anggarannya, 26% untuk membayar hutang negara adalah tanda tidak sihat. Keadaan demikian juga menunjukkan satu daya pengeluaran yang rendah atau

low productivity dan kos perkhidmatan dan maintenance yang tinggi. Adalah perlu menggariskan satu rancangan jangka masa panjang untuk mengurangkan perbelanjaan mengurus kita melalui dasar pengswastaan dan pensyarikatan Malaysia dan juga mencari kaedah-kaedah baru bagaimana daya pengeluaran sektor awan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perindustrian kita sedang berkembang dengan memuaskan di Semenanjung Malaysia. Tetapi bagi Negeri Sarawak, ia masih jauh ketinggalan. Kita boleh menghitung dengan jari bilangan industri di Sarawak. Sarawak mempunyai, dengan izin, comparative advantage dalam industri-industri berdasarkan sumber-sumber atau resource-based terutama sekali di tempat-tempat yang mempunyai sumber-sumber tenaga yang murah misalnya di Miri dan Bintulu di mana terdapat gas dan minyak. Pada masa akan datang Sarawak juga akan menikmati tenaga-tenaga elektrik yang murah apabila projek-projek hidro elektrik di Batang air disiapkan.

Memandangkan suasana yang menggalakkan demikian untuk pertumbuhan industri, saya berharap Kerajaan Persekutuan akan memberi pertimbangan khas untuk menempatkan industri-industri tenaga dan resource-based di Negeri Sarawak, misalnya industri-industri berhubung dengan gas, petroleum, petro-kimia, kayu-kayuan dan sebagainya. Selain daripada itu adalah diharap bahawa pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengeluarkan lebih banyak lesen pengilang serta galakan cukai bagi industri atau kilang baru yang ditubuhkan di Negeri Sarawak.

Satu lagi sektor yang harus diberi perhatian serius ialah sektor perlombongan. Dengan sistem percukaian baru bagi kos carigali di mana kos perbelanjaan carigali dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan syarikat apabila ianya dibelanjakan, saya berharap galakan cukai ini akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti carigali bagi mendapat punca-punca baru bahan logam di negara kita. Sektor perlombongan adalah satu sektor yang mempunyai banyak potensi yang masih kurang dieksploitasikan. Dalam hubungan ini, saya berharap bahawa Kerajaan Persekutuan, akan memberi segala galakan, kerjasama dan bantuan untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti carigali dan perlombongan di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang menimbulkan spekulasi-spekulasi bahawa ringgit kita akan turun nilai ialah kerana hutang luar negara kita yang kian bertambah tahun demi tahun hingga ke paras yang sangat tinggi sekarang. Jumlah hutang di dalam dan di luar negara kita hingga ke tahun 1983 adalah lebih \$52 billion. Kos membayar balik pokok dan bunga wang pada tahun 1983 ialah lebih \$4 billion. Hutang tersebut timbul dari pinjaman luar. Soalan utama kita ialah adakah pinjaman wang dari luar negeri digunakan dengan secara yang efektif? Adalah difahamkan bahawa sebahagian besar pinjaman luar adalah dipinjam semula kepada Kerajaan Negeri dan Off-Budget Agencies seperti badan-badan berkanun. Di sini saya ingin mengutip komen Ketua Audit Negara kita Tan Sri Ahmad Noordin yang diterbitkan dalam *The New Straits Times* bertarikh 21hb September, 1984. Beliau berkata, dengan izin, "The point about the foreign debt is the question of how you use the loans. From our audits, I am not happy with the use of borrowed money." Beliau juga ada menjelaskan

tentang pinjaman luar yang dipinjam semula kepada Off Budget Agencies. Saya ingin mencadangkan bahawa satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk mengkaji sistem kawalan kewangan atas Off-Budget Agencies dan monitor prestasi dan kelemahan-kelemahan mereka. Dari pendapat-pendapat kajiannya, Jawatankuasa yang disyorkan harus juga menggubalkan satu sistem kawalan kewangan yang lebih luas dan ketat terhadap semua Off-Budget Agencies dalam negara kita.

Dalam hal Off-Budget Agencies saya menyokong dengan penuhnya langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1985. Adalah diperhatikan bahawa perbelanjaan mereka telah dipotong sebanyak 199% jika dibandingkan dengan 1984. Saya bersetuju dengan pandangan beliau bahawa kebanyakan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi di luar belanjawan boleh digalakkan dan dikembangkan melalui dasar pengswastaaan dan pensyarikatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan dasar Belanjawan Negara ada kaitan juga dengan dasar kependudukan negara. Baru-baru ini kita telah pun mendengar serta membaca banyak komen-komen serta pandangan-pandangan tentang dasar mengadakan satu kependudukan seramai 70 juta. Kita juga telah pun membaca komen-komen golongan wanita tentang syor-syor bagi sesuatu pasangan untuk mengadakan 5 anak supaya mencapai matlamat 70 juta penduduk.

Sehubungan ini, saya ingin menarik perhatian pihak berkenaan mengenai penduduk-penduduk sah yang sedia ada. Ada yang tinggal di Malaysia berpuluh-puluh tahun dan telah juga memberi berbagai sumbangan kepada negara kita. Mereka telah pun memohon hak kewarganegaraan, kebanyakan lebih sepuluh tahun tetapi

malangnya masih belum mendapat keputusan daripada Kerajaan kita. Mereka masih sabar menunggu dan masih meneruskan sumbangan mereka kepada negara ini. Jika kita cuba menganalisis latar belakang mereka, khasnya mereka yang bermastautin di negeri Sarawak boleh dikatakan mereka ialah anak Malaysia sejati atau anak-anak sah Malaysia. Hanya disebabkan satu masalah teknik di sisi Perlembagaan kita, mereka tidak diberi kewarganegaraan dengan secara automatik. Saya akan mengambil kes-kes dari Sarawak sebagai contoh. Kini masih terdapat beribu-ribu penduduk di Sarawak yang belum diberi hak kerakyatan semata-mata mereka dilahirkan di Brunei walaupun ibu bapa dan adik-beradik mereka ialah warganegara Malaysia. Seperti yang mana saya pernah menjelaskan dahulu, mereka dilahirkan di Brunei kerana ibu bapa mereka berkerja di Brunei, terutama sekali dengan Syarikat Shell Brunei. Setengahnya pula kerana pada masa itu, ibu bapa mereka tinggal di Limbang ataupun di Lawas dan pada ketika itu, kemudahan lengkap bagi melahirkan anak hanya ada di Brunei yang berhampiran.

Sudah lebih dua puluh tahun anak-anak ini memohon kerakyatan Malaysia tetapi amat dukacitanya pihak Kerajaan kita hanya memberi jawapan "permohonan sedang dalam pertimbangan" atau "fail anda telah hilang" atau "diminta menghantar permohonan baru". Ada yang menerima jawapan "permohonan anda adalah dalam peringkat akhir" dan kedudukan mereka masih menjadi sedemikian setelah menunggu sepuluh tahun dan lebih iaitu masih lagi di peringkat akhir, keadaan-keadaan tersebut amat-amat menyedihkan.

Selaras dengan dasar penambahan penduduk ke tahap 70 juta, saya dengan iklasnya ingin merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk memberi sijil

kewarganegaraan kepada beratus-ratus ribu anak-anak sah yang boleh dianggap sebagai rakyat Malaysia, iaitu rakyat Malaysia yang sedia ada ataupun "ready-made Malaysians". Jika mereka semua diberi kewarganegaraan Malaysia, matlamat negara kita untuk mengadakan 70 juta penduduk adalah lebih mudah tercapai. Mungkin kita tidak payah lagi mendorong satu keluarga mengadakan lima orang anak, mungkin angka itu boleh dikurangkan keempat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membuat Kajian Separuh Penggal atas Rancangan Malaysia Keempat, saya telah menyentuh tentang peruntukan bagi pembangunan jalanraya di Sarawak. Adalah sangat menggalakkan untuk memperhatikan bahawa satu peruntukan berjumlah \$110,450,020 telah pun diadakan untuk maksud pembangunan jalanraya di Sarawak. Ini merupakan satu pertambahan sebanyak \$65,450,020 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1984.

Di sini sukacita saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih atas perhatian Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pembangunan jalanraya di negeri Sarawak. Rupanya kalau Kerajaan Persekutuan akan terus memberi bantuan yang perlu dan perhatian khas atas projek memperbaiki dan mengetar sistem Jalan Besar Utama Sarawak, iaitu dari Kuching ke Miri, ia mungkin dapat disempurnakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Saya rasa tidak perlu lagi bagi saya di sini menjelaskan betapa pentingnya sistem jalanraya tersebut oleh kerana saya telah menerangkan sepenuhnya ketika membahas Kajian Separuh Penggal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya ketika membentangkan Belanjawan tahun lepas, saya ada juga menyentuh tentang pembangunan

lapanganterbang di negeri Sarawak, khususnya bagi Sibu, Bintulu dan Limbang. Adalah dukacita diperhatikan dalam Belanjawan tahun 1985 bahawa peruntukan-peruntukan bagi pembangunan lapanganterbang-lapanganterbang baru bagi Bintulu dan Limbang masih diberi jumlah "token" sahaja dan pembangunan lapanganterbang Sibu diperuntukkan sembilan ratus ribu sahaja. Ketiga bandar tersebut memerlukan lapanganterbang baru memandangkan lapanganterbang yang sedia ada adalah tidak sesuai lagi. Misalnya, lapanganterbang Bintulu terletak di tengah-tengah bandar dan tiada ruang untuk diperbesarkan. Sebagaimana kita sedia maklum, Bintulu adalah sebuah bandar yang pesat membangun. Setiap bulan, MAS termasuk kapalterbang swasta, mempunyai kurang lebih 900 penerbangan yang mendarat di lapanganterbang Bintulu dan membawa penumpang tidak kurang 15,000 orang.

Bagi lapanganterbang Sibu, tiap-tiap bulan sekurang-kurangnya dua puluh ribu penumpang turun-naik kapalterbang di sini dan bilangan purata penerbangan yang mendarat setiap bulan ialah kira-kira 1,110. Kini jenis kapalterbang yang terbesar yang boleh mendarat di Sibu dan Bintulu ialah Fokker Friendship. Di Limbang, lapanganterbang yang sedia ada hanya boleh digunakan oleh jenis kapalterbang sebesar jenis "Twin Otter". MAS mempunyai lebih 190 penerbangan pergi-balik Limbang dan

membawa tidak kurang 1,300 penumpang setiap bulan. Ketiga-tiga projek telah pun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi malangnya masih lagi tergantung walaupun Rancangan Malaysia Keempat akan tamat beberapa bulan lagi. Saya ingin merayu bahawa peruntukan penuh diberi bagi ketiga projek tersebut dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi penubuhan kampus Cawangan Universiti Pertanian, Bintulu juga adalah salah satu perkara yang saya pernah menyentuh. Sukacita saya memperhatikan bahawa satu peruntukan berjumlah \$34 juta telahpun diadakan bagi penubuhan kampus tersebut. Adalah diharapkan bahawa kerja-kerja pembinaan akan bermula pada tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara pelajaran, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan satu masalah berkaitan dengan pengesahan jawatan guru-guru terlatih di negeri Sarawak

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.